



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 5

Hari Jumaat

1hb April, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan)

(Ruangan 34)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987)

(Ruangan 96)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 1hb April, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua :Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No.1.

[Tiada jawapaa dari Menteri].

Tuan Yang di-Pertua: Menteri belum sampai! Baiklah, kita lompat dahulu. Yang Berhormat, Menteri yang menjawab belum sampai lagi. Kita lompat dahulu, nanti bila sudah datang, kita pergi balik kepada pertanyaan Nombor 1.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

2. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: minta Menteri Pertahanan menyatakan keuntungan yang diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan kadar faedah atau dividen yang dibayar kepada pencarum-pencarum dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu

Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut akaun yang telah diaudit di dalam tempoh 5 tahun yang lalu, keuntungan

yang diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan kadar dividen yang dibayar kepada pencarum-pencarum adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Kasar (\$)	Kadar Dividen yang Diisytiharkan (%)
1982	60,933,900	8.5%+0.5 (sebagai bonus dividen yang diisytiharkan adalah bersempena dengan 10 tahun penubuhan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.
1983	78,973,320	8.5
1984	100,364,775	8.75
1985	104,133,710	8.75
1986	90,685,834	8.00

Puan Law Jack Yoon; Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu adakah Kerajaan akan menggunakan keuntungan ini untuk menolong bekas anggota tentera yang menganggur seperti mana kes yang berlaku di Kedah di mana 2,000 bekas anggota tentera sedang menghadapi kesukaran mendapat kerja setelah bersara dari angkatan tentera.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abahg Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak Tabung Angkatan Tentera bercadang untuk

memberi kemudahan kepada Anggota Tentera mengeluarkan carumannya bagi tujuan membeli rumah kos rendah?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:
Tuan Yang di-Pertua. LTAT belum ada dasar berbuat demikian setakat ini.

Puan Ainon binti Ariffin : Saya ingin tahun, nampaknya Tabung ini memperolehi keuntungan yang begitu lumayan dan amat menggalakkan. Apakah rancangan atau cadangan pihak Kerajaan untuk menggunakan keuntungan daripada Tabung berkenaan, Apakah ianya berkaitan juga dengan untung nasib bekas perajurit yang banyak sedang terlantar dan menganggur.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:
Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa Tabung- LTAT ini ialah serupa dengan skim EPF iaitu untuk askar-askar apabila mereka bersara nanti dapat balik kewangan yang dicarumkan di masa mereka berkhidmat di dalam tentera. Kita tidak dapat memberi perbelanjaan yang besar selain daripada untuk pelaburan. Walaupun demikian seperti yang disebutkan dalam ucapan menggulung saya semalam, kita mempunyai tujuan-tujuan tertentu untuk menolong bekas perajurit yang telah berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

LABEL MAKANAN

3. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pengeluar-pengeluar makanan segera yang dibungkus dengan suratkhobar, makanan yang tidak berlabel dan kurang khasiat.

Menteri Kesihatan[Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah. Kementerian sedang mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi memperbaiki keadaan ini. Di antara tindakan-tindakan yang telah diatur ialah:

Cara sederhana -

- (a) Mempertingkatkan pendidikan mengenai keperluan-keperluan undang—undang berkaitan dengan pembungkusan dan pelabelan makanan kepada pengusaha-pengusaha makanan.
- (b) Menasihati penjual-penjual makanan supaya tidak menerima dan menjual makanan-makanan yang tidak dibungkus dan dilabel dengan sempurna.

Cara berat atau cara serius -

- (a) Merampas dan menghapuskan makanan-makanan yang tidak mematuhi keperluan-keperluan pelabelan dan yang dibungkus dengan suratkhobar-suratkhobar.
- (b) Mendakwa pengeluar-pengetuar makanan yang terlibat dalam penggunaan suratkhobar untuk membungkus makanan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini berapa orang peniaga telah didakwa oleh Kementerian Kesihatan kerana menggunakan suratkhobar sebagai pembungkus makanan?

Dato' Chan Siang Sun: Yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak oleh kerana kita pun telah sebutkan di dalam jawapan tadi ialah kita melalui pendidikan dan menasihati dahulu. Kalau masih enggan membuat perubahan, tindakan yang kedua iaitu yang serius akan diambil.

Dr. Tan Chong Keng; Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Kementerian Kesihatan jikalau suratkhobar itu tidak digunakan untuk membungkus makanan, jadi apakah bahah-bahan yang sesuai yang dicadangkan oleh Kementerian ini untuk membuat pembungkus makanan yang tidak mengancam kesihatan orang ramai yang makan makanan itu? Terima kasih.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa semenjak kita menguatkuasakan peraturan-peraturan makanan pada bulan Oktober tahun 1986, kita sudah dapat mengesan bahawa banyak penjual-penjual makanan segera (instant food) yang mana mereka pada masa dahulu ada menggunakan daun-daun untuk membungkus makanan, tetapi hari ini sudah banyaklah yang mengubah cara itu dengan menggunakan kertas-kertas plastik yang nipis sedikit. Jadi ini merupakan satu cara atau satu keadaan yang sangat sihat dan juga ini tentulah memudahkan dari segi pembungkusan dan juga dari segi food handling, Ini dapat dibuktikan dalam bandar-bandar dan juga ibukota kita yang mana pada hari ini kita barangkali tidak nampak kalau kita membeli nasi lemak, bungkusannya itu sudah gunakan kertas plastik yang nipis, barangkali di luar ia gunakan suratkhobar, itu barangkali boleh dibenarkan. Jadi oleh kerana inner layer itu menggunakan

plastik, barangkali itu boleh dikatakan hygiene. Jadi dengan ini juga merupakan satu cara untuk kita meningkatkan perusahaan plastik di dalam negara kita.

KEMALANGAN DI LKBURRAYA SEREMBAN-AIR KEROH

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kerjaraya menyatakan banyak kemalangan telah berlaku di sepanjang lebuhraya Seremban-Air Keroh akibat binatang-binatang ternakan berkeliaran:

- (a) berapa kes kemalangan yang telah berlaku dan jumlah penumpang atau pemandu yaag terbunuh dalam tahun 1987; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kejadian yaag tidak diinginkan ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes kemalangan yang berlaku dalam tahun 1987 di sepanjang Lebuhraya Seremban-Air Keruh ialah sebanyak 151 kes. Daripada jumlah kes itu sebanyak 23 kes kemalangan yang terlibat dengan binatang-binatang. Bilangan kematian adalah 9 orang dan daripada jumlah itu 2 kes kematian yang melibatkan kemalangan dengan binatang-binatang.
- (b) Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengambil langkah yang sesuai untuk menghalang binatang ternakan daripada berkeliaran di Lebuhraya Seremban-Air Keroh untuk menentukan keselamatan pengguna-pengguna Lebuhraya adalah terjamin. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mendirikan pagar-pagar dikiri kanan reserve di sepanjang Lebuhraya berkenaan;
- (ii) di samping itu juga Lembaga Lebuhraya Malaysia telah memaklumkan dan memohon Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Wakil-wakil Rakyat, Pejabat-pejabat Daerah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung untuk membantu memberi nasihat dan kesedaran kepada penternak-penternak setempat mengenai masalah ini;
- (iii) pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga sedang dalam proses untuk menambah jumlah anggota penguatkuasa atau Peronda Lebuhraya yang bertugas di Lebuhraya tersebut untuk memastikan pemandu-pemandu mematuhi arahan-arahan Lebuhraya supaya tidak membahayakan pengguna-pengguna lain.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kerjaraya berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil ini untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna Lebuhraya Seremban-Air Keroh, kerana pada masa sekarang masih banyak lagi binatang-binatang yang berkeliaran di Lebuhraya tersebut dan apakah tindakan yang lebih berkesan akan diambil oleh Kementerian Kerjaraya untuk memastikan Lebuhraya ini akan menjadi satu Lebuhraya yang lebih selamat untuk digunakan oleh pemandu-pemandu?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, apa juga tindakan yang dibuat oleh Kerajaan tidak akan mendapat kesannya yang kita harapkan kecuali jika ada kerjasama sepenuhnya daripada masyarakat

setempat. Begitu juga seperti yang saya terangkan dalam jawapan saya bahawa kita juga telah meminta Wakil-wakil Rakyat. seperti Ahli Yang Berhormat untuk memberi nasihat dan membent tunjuk-ajar kepada penternak-penternak supaya dapat mengawal ternakan-ternakan mereka supaya jalan raya itu lebih selamat: untuk kegunaan orang awam.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menjamin keselamatan di lebuhraya tersebut, tidakkah Kementerian Kerjaraya bercadang bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk menangkap lembu-lemhu dan kambing-kambing yang ada berkeliaran di Lebuhraya tersebut?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah yang harus juga kita laksanakan untuk mengelakkan ternakan-ternakan ini untuk mengguna atau memasuki kawasan larangan, maka kita juga akan terpaksa mengambil tindakan yang demikian.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Kerjaraya telah mencadangkan supaya lebuh raya Seremban-Air Keroh diswastakan, jika tidak, mengapa tidak dicadangkan? Jika Kerajaan tidak mempunyai wang untuk membaiki atau membesarkan jalan raya, saya mencadangkan supaya ia diswastakan.

Saya juga mencadangkan semua jalan raya diswastakan supaya dapat menjimatkan wang Kerajaan dan jikalau kita boleh menjimatkan wang, kita akan batalkan Kementerian Kerjaraya. [Ketawa]

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Koh Im Pin: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah. Duduk! Tidak ada kena mengena dengan pertanyaan asal. Saya bilang duduk, kalau tidak duduk.....

Tuan Koh Im Pin : Excuse me, Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Will you please sit down or else I will have you out of here. I won't allow that question.

KWSP - PENCARUH MENUNAIKAN FARDHU HAJI

5. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar pihak KWSP akan membenarkan pencarum-pencarumnya mengeluarkan wang simpanan mereka bagi tujuan dan keperluan menunaikan (fardhu haji, perbelanjaan anak-anak/tanggungjawab belajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan luar negeri).

4.4.1988

14. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerianya bercadang membenarkan pencarum KWSP untuk mengeluarkan sebahagian dari wang carumannya untuk menunaikan fardhu haji.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Arifin]:

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang dan Yang Berhormat tuan Rokiah binti Zainuddin yang dijadualkan pada 4.4.1988 adalah mengenai perkara yang sama, saya bercadang menjawab pertanyaan-pertanyaan berkenaan serentak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor-syor memperkenalkan dua skim pengeluaran baru iaitu bagi membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang simpanan mereka bagi tujuan menunaikan fardhu haji dan pelajaran tinggi telahpun dipertimbaangkan oleh Lembaga KWSP. Kedua-dua skim ini masih lagi dalam kajian oleh Kerajaan berkenaan dengan implikasi pelaksanaannya dan pengumuman akan dibuat tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua:Yang Berhormat Puan Mazidah Haji Zakaria.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin,soalan No.6

PERTUBUHAN ANTARABANGSA - KEANGGOTAAN MALAYSIA

6. Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Luar Negeri menyatakan nama-nama pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malayaia pada masa ini dan jumlah caruman atau pembayaran tahunan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini. Apakah tujuan-tujuan dan faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia dari keanggotaannya di dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin

Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah anggota kepada banyak pertubuhan antarabangsa dan pertubuhan antarabangsa utama yang dianggotai oleh Malaysia adalah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Komanwel dan Pertubuhan Persidangan Islam.

Di bawah PBB sendiri, terdapat 20 buah agensi yang dianggotai oleh Malaysia. Di antaranya ialah, dengan izin, United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation (UNESCO), United Nations Children's Fund (UNICEF), United Nations Industrial Nevelopment Organization (UNIDO), United Nations Development Programme (UNDP), International Labour Organisation (ILO), Food and Agricultural Organisation (FAO) dan sebagainya.

Bagi caruman untuk tahun 1987 sahaja, jumlah yang dikenakan kepada Malaysia terhadap PBB dan agensi-agensinya berjumlah US\$1,287,135.20. Caruman ini di antara lain termasuklah US\$724,128.00 untuk belanjawan PBB, US\$385,000.00 untuk UNDP dan US\$50,000 untuk UNICEF.

Caruman untuk Pertubuhan Komanwel pula adalah seperti berikut:

Dengan izin,

1. Commonwealth Fund for Technical - £100,000.00
2. Commonwealth Foundation -£16,190.00
3. London Central Mosque Fund - £ 4,000.00

Malaysia menyumbangkan sebanyak US\$278,950 sebagai caruman kepada Pertubuhan Persidangan Islam manakala tiada caruman dibuat untuk Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menganggotai pertubuhan-pertubuhan antarabangsa tersebut, Malaysia dapat menggunakan forum pertubuhan-pertubuhan tersebut sebagai landasan untuk mengutamakan pandangan serta pendirian negara kita terhadap pelbagai isu semasa antara-bangsa; Antara isu-isu semasa yang mana Malaysia memainkan peranan penting ialah seperti isu Kampuchea, masalah Palestine, peperangan Iran-Iraq, isu Apartheid Afrika Selatan, Antartika dan isu Dadah. Selain daripada itu melalui pertubuhan-pertubuhan tersebut Malaysia dapat mempertingkatkan lagi hubungan baik pelbagaihal dan duahala antara Malaysia dengan negara-negara aaggota serta imej Malaysia sebagai sebuah negara yang sederhana dan berkecuali di kalangan masyarakat antarabangsa. Dengan menganggotai agensi-agensi dan badan-badan tersebut di bawah pertubuhan-pertubuhan tadi pula, Malaysia memperolehi bantuan di bidang teknikal, ekonomi, pertukaran maklumat serta dapat menyertai seminar-seminar anjuran pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lihat wakil Jabatan Perdana Menteri sudahpun sampai, kita kembalikan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim. Belum ada lagi? Lain kali tolong bersedialah. Maaf Yang Berhormat, belum sedia lagi.

LEBUHRAYA KAYAN-KG. KOH, PERAK

7. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah dasar-dasar yang diamalkan bagi mewujudkan laluan lebuhraya Persekutuan. Mengapa dan kenapa lebuhraya Kayan-Kampung Koh di Perak laluannya tidak diselaraskan dengan kehendak Kerajaan Negeri.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu laluan Persekutuan atau Jalan Persekutuan diwujudkan berasaskan kepada kriteria-kriteria berikut:

- (i) jalan yang menghubungkan bandar-bandar utama,
- (ii) jalan yang menghubungkan ke pelabuhan dan lapangan terbang;
- (iii) jalan yang menghubungkan ke tempat-tempat yang mempunyai kepentingan Kerajaan Persekutuan seperti jalan menuju ke stesen Hidro Elektrik, Stesen Televisyen, Stesen Telekom dan sebagainya; dan
- (iv) permintaan lalulintas yang meningkat yang mana jalan sedia ada tidak dapat menampung lalulintas sehingga jalan itu perlu diperbesarkan atau laluan baru perlu diwujudkan.

Kriteria-kriteria di atas adalah perkara-perkara yang diambil kira dalam mewujudkan sebuah laluan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara selain daripada itu juga diambil kira mengikut kesesuaian setempat.

Mengenai Jalan Kg. Kayan-Kg. Koh cadangan memperelokkan jalan tersebut sememangnya telah mengambil kira kriteria-kriteria di atas, kerana ia adalah sebahagian daripada laluan Persekutuan yang menghubungkan antara Johor ke Seberang Prai.

Dalam perancangan sesuatu Jalan Persekutuan, kehendak-kehendak Kerajaan Negeri sememangnya diambilkira. Walau bagaimanapun,

Kerajaan Persekutuan sudah tentu tidak dapat memenuhi semua kehendak terutamanya mengenai aliran jalan raya. Kehendak ini boleh diatasi dengan cara mengadakan jalan masuk daripada jalan utama itu ke kawasan-kawasan yang diperlukan. Perkara ini boleh dipohon daripada Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Lebuhraya Seremban dan Air Keroh, diperhatikan laluan Lebuhraya ke laluan Persekutuan iaitu ada dua laluan yang telah wujud. Satu Tampin dan Alor Gajah, satu lagi Pedas. Saya perhatikan ada satu laluan lagi selepas laluan Lebuhraya Seremban-Air-Keroh ini sampai ke Johor iaitu laluan Jasin belum kita perhatikan untuk dilaksanakan.

Saya perhatikan laluan ke Jasin ini agak perlu, jadi adakah pihak Lebuhraya bercadang untuk mengadakan laluan ke Jasin?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini sudah agak keluar sedikit dari soalan pokok, tetapi saya suka lah menyatakan di sini bahawa kalau ada permohonan daripada penduduk setempat, maka kita akan mempertimbangkan.

Tuaa Koh Im Pin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tarik diri dari soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak tentang dengan Menteri Kerjaraya. Saya tidak puas hati fasal tiga hari yang lalu, saya minta membesarkan jalan, tetapi jawapan Menteri berkenaan keluar dari soalan asal dan pokok. nampaknya ahli-ahli rakan saya selalu soal keluar dari soalan asal, tidak payah dijawab. Tetapi nampaknya Menteri jawab pun ada keluar dari soalan asal juga.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu

Tuan Koh Im Pin: Ya, thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka bawa perhatian dalam Peraturan Mesyuarat 23(3) di mana ia kata, saya baca:

"23(3) - Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkah ahli-ahli mengeluarkan pertanyaan tambahan kerana menerangkan apa-apa butir perkara yang telah diberi jawab mulut, tetapi boleh ditahannya apa-apa pertanyaan demikian jika pada timbangannya pertanyaan itu mendatangkan perkara yang tidak berkait dengan pertanyaan asal atau melanggar apa-apa jua syarat Peraturan Mesyuarat 22."

Kerana itu saya tidak membenarkan, sebab Tuan Yang di-Pertua di sini boleh menahan, pertanyaan itu luar dari biasa. Jadi, saya boleh tolakkan.

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju....

Tuan Yang di-Pertua:...sebab kalau membenarkan, masa lebih banyak lagi, ada 60 pertanyaan di sini. Cuma 15, barangkali 12 sahaja dapat kita selesaikan. Jadi, sebab itu soalan-soalan, pertanyaan boleh masuk dalam Dewan. Jadi, saya minta kerjasama dengan lain-lain Ahli Yang Berhormat, tolong kalau soal tambahan puas hati dahulu pertanyaan itu ada berhubung dengan soal asal.

KES PECAH RUMAH

8. Tuan Mohd.Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes pecah rumah berlaku dalam tahun 1985, 1986 dan 1987;
- (b) jumlah penjenayah kes berkenaan yang ditangkap dan dihukum;
- (c) jumlah warganegara asing yang terlibat; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil bagi mengetatkan kawalan keselamatan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dalam tahun 1985, jumlah kes pecah rumah ialah 25,505, tahun 1986 ialah 25,544 dan tahun 1987 ialah 22,203.
- (b) jumlah yang dapat ditangkap dalam kes ini dari tahun 1985 hingga 1987 ialah 9,740 orang sementara 7,305 orang telah didakwa di mahkamah dan dihukum.
- (c) seramai 182 orang warganegara asing terlibat dalam kes pecah rumah semenjak tahun 1985 hingga 1987.
- (d) Kemeaterian Dalam Negeri melalui Jabatan Polis telah meangadakan berbagai langkah bagi mengelakkan berlakunya kejadian ini dan di antaranya:
 - (i) melancarkan operasi-operasi mencegah jenayah di mana anasir-anasir jahat disyaki bersembunyi;
 - (ii) membuat pemeriksaan dan pengawasan terhadap pendatang-pendatang luar seperti dari Indonesia dan Vietnam;
 - (iii) membuat pengawasan dan pemeriksaan mengejut ke atas bekas kaki pecah rumah dan curi untuk memastikan mereka tidak lagi terlibat; dan

- (iv) menempatkan anggota Polis di tempat-tempat yang sering berlaku kejadian pecah rumah dan curi.

Tuan Ng Peag Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah warganegara asing yang telah ditangkap yang telah disabit dalam kes jenayah. Adakah kebanyakan mereka datang daripada pendatang haram dari Indonesia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Daripada 182 orang yang ditangkap yang merupakan 1.8% daripada seluruh jenayah pecah rumah, 1.8% iaitu belum sampai 2%, mereka kita anggap sebagai pendatang haram dan saya tidak ada perangkaan menunjuk dari negeri mana mereka ini. Tetapi mereka kita asingkan, orang asing dan orang dalam negeri.

Tuan Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah kajian pihak Polis dengan berlakunya banyak sangat pecah rumah ini. Adakah kerana banyak penganggur, kerana dadah ataupun rakyat negara ini telah terlampau kaya?

Dato' Megat Juuid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau teliti tentang perangkaan saya beri tadi ada menunjukkan penurunan daripada pecah rumah ini iaitu kalau kita lihat tahun 1987 hanya 22,000; tahun 1985 25,000; 1986 25,000 tetapi 1987 22,000 sahaja. Ini menunjukkan ada kekurangan dan dalam taklimat Polis Perak baru-baru ini kepada pada saya, di negeri Perak sahaja menurun jenayah 23%. Dan Wilayah Persekutuan juga turun hingga sampai 27%. Ini menunjukkan bahawa pihak Polis dan pihak Keselamatan memang berhati-hati dalam hal ini dan kemungkinan juga kerana ketatnya Undang-undang Dadah kita baru-baru ini menyebabkan takut pihak-pihak

tertentu dalam meneruskan kegiatan mereka dari segi penagihan dadah, dengan sebab itu kuranglah jenayah yang dapat kita buktikan pada hari ini.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa kegiatan jenayah ini ada musimnya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jenayah pun ada musim, operasi pun ada musim [**Ketawa**]. Selalu kita boleh menelah bilakah agaknya jenayah-jenayah ini akan lebih banyak diperlakukan, terutama apabila hendak diadakan hari-hari perayaan seperti Hari Raya Cina atau Hari Deepavali atau Hari Raya Puasa dan sebagainya. Dan selalunya pada masa itu jugalah operasi lebih dilipatgandakan oleh pihak Polis. Jadi, segalanya ada bermusim, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kebanyakan pecah rumah ini adalah disebabkan kepandaiah pencuri ini dengan ilmu pukau mereka?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk kita menentukan bahawa ada kecurian itu dilakukan oleh kerana pukau. Bagaimanapun, pihak Polis merasakan bahawa kalau pun ada berlaku dan berjaya, peratusannya terlalu kecil.

Tuan Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Menteri tadi, 702 orang didakwa di mahkamah. Saya ingin hendak tahu jenis hukuman apa yang dikena? Adakah mereka juga disebat dengan rotan. Kalau tidak, perlulah mereka disebat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang demokrasi dan kita meluluskan undang-undang di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita sama-sama meluluskannya. Jadi, segala kesalahan mengikut seksyen-seksyen kesalahan-kesalahan tertentu yang telahpun diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Senate ini dan itulah kita laksanakan. Tidak bolehlah kita membuat hukuman lebih daripada apa yang telah kita persetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu banyak soalan tambahan. Kita baharu cuma menjawab 8 soalan. Baiklah, sila.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan satu. Kita tahu pihak Polis adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan masyarakat dan juga keselamatan rumah-rumah orang ramai daripada menjadi mangsa-mangsa pecah rumah. Jadi, di Bahagian Bukit Mertajam contohnya, malangnya kita diberitahu oleh pihak Polis hanya dua tiga kereta peronda yang mesti digunakan untuk menjaga satu kawasan yang besar di mana ada banyak, dengan izin, housing estates.

Jadi, adakah pihak Polis bercadang menambahkan unit-unit peronda yang boleh bertugas pada sebelah malam katakan pada masa larut malam untuk menjaga keselamatan rumah orang ramai di kawasan-kawasan jagaan Polis itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan hanya timbul di kawasan Bukit Mertajam tetapi juga timbul di kawasan saya sendiri di Teluk Intan. Tidak mencukupi. Walau tidak mencukupi, bagaimanapun kereta-kereta peronda ini ialah salah satu sahaja daripada cara untuk kita mencegah jenayah. Ada lagi cara-cara yang lain walaupun tidak menggunakan kereta peronda, selepas sahaja dia pecah rumah di satu-satu kawasan itu kita sudah kenal siapa yang pecah rumah dan besok kita boleh tangkap orang yang berkenaan tanpa menggunakan kereta peronda.

Dengan sebab itu, bagaimanapun saya bersetujulah bahawa kereta peronda adalah satu alat yang cukup mustahak dan perkara ini akan dipertimbangkan dengan secara serius oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

BAHASA MELAYU DALAM SUKATAN PELAJARAN

9. Puan Habidah binti Jusoh minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa di dalam sukatan pelajaran sekarang Bahasa Melayu ditukar kepada Bahasa Malaysia, sedangkan di dalam Perlembagaan kita istilah yang digunakan ialah Bahasa Melayu, bukannya Bahasa Malaysia, tidakkah Kementerian ini bercadang untuk membetulkan kejanggalan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan[Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklaman Ahli Yang Berhormat, Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu tetapi Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Disemak 1971)-khususnya seksyen 2, memperuntukkan bahawa Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.

Walaupun istilah yang digunakan dalam Akta ialah Bahasa Kebangsaan, namun adalah tidak salah dari segi undang-undang sekiranya istilah Bahasa Malaysia digunakan bagi mengganti istilah Bahasa Kebangsaan untuk maksud-maksud rasmi, seperti sukatan pelajaran sekolah, memandangkan ia mempunyai erti yang sama dan penggunaannya ialah secara administratif sahaja. Walau bagaimanapun, istilah Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan dalam perundangan, atau dengan iain,, legislation, kerana ini akan bertentangan dengan peruntukan Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Timbalan Menteri Pendidikan adakah perbezaan istilah di antara bahasa ibunda dengan Bahasa Malaysia? Jika ada, apa dia?

Dr. Leo Michael Toyad; Tuan Yang di-Pertua,, soalan ini tidak berbangkit di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah dijawab [**Ketawa**].

PENGANGGURAN - LANGKAH MENGATASI

10. Cik Norani binti Haji Beluah minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran yang semakin bertambah di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah yang positif untuk mempesatkan pertumbuhan ekonomi supaya lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan seterusnya mengurangkan masalah pengangguran di negara ini.

Selaras dengan hasrat tersebut Kerajaan telah pun, antara lain, membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan untuk menarik pelaburan baru dari luar negeri ke negara ini. Di samping itu Kerajaan juga bercadang mengawal kenaikan upah sebagai satu langkah mengurangkan kos buruh kepada majikan-majikan supaya penggunaan buruh dapat dipertingkatkan.

Seiring dengan usaha-usaha di atas sebagaimana yang telah dijelaskan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah jangka pendek untuk mengurangkan masalah pengangguran seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Benarkah siswazah-siswazah yang banyak menganggur itu adakah daripada Aliran Sains ataupun Aliran Arts kerana kebanyakan jurutera-jurutera dan kebanyakan Siswazah-Siswazah yang dapat degreenya, dengan izin, daripada Aliran Sains yang banyak menganggur. Apakah sebabnya?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pengangguran di kalangan siswazah tergolong daripada semua kumpulan. Kumpulan Sastera dan Sains, yang lebih ramai ialah di kalangan siswazah yang mendapat pelajaran daripada pendidikan Sastera. Di kalangan siswazah-siswazah Sains dan juga Kejuruteraan memang terdapat tetapi tidaklah begitu ramai bilangan siswazah yang menganggur itu.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan telah membuat kajian atau penyiasatan yang menyeluruh di setiap negeri tentang peluang-peluang pekerjaan di pihak swasta, misalnya di kilang-kilang dan perusahaan balak, kem-kem balak yang telah diisi oleh orang-orang asing seperti pelarian atau pendatang haram yang sepatutnya diisi oleh anak-anak tempatan sebagai mengurangkan pengangguran kepada anak-anak tempatan yang semakin bertambah di negara ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan membuat kajian di seluruh negara bagi melihat, meneliti kemungkinan bagi menempatkan para penganggur ini. Sebenarnya Kerajaan memanglah berhasrat untuk menambahkan jumlah ini. Mengenai pekerja-pekerja asing sememangnya inilah salah satu daripada langkah

Kerajaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kabinet itu adalah untuk menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing untuk menambah ataupun memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan bagi mendapat pekerjaan.

Dr. Lau Keug Siong: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Okay, satu sahaja lagi.

Dr. Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar masalah pengangguran pada masa sekarang ada satu cabaran dan kekacauan besar kepada masyarakat dan Kerajaan kita. Jika sedar, patutlah Kerajaan dahulukan perkara ini, utamakan perkara ini oleh sebab orang muda-muda tidak ada kerja, saya fikir negara kita terhadap satu perkara yang sangat penting. Jadi pada masa sekarang saya nampak pengangguran ini makin lama makin bertambah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau soalan tambahan, apa soalan tambahannya itu. Jangan panjang lebar membuat ucapan.

Dr. Lau Keng Siong: Ya, ya. Jadi saya minta Kerajaan kita utamakan perkara ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan mengutamakan masalah untuk menyelesaikan masalah pengangguran itu [**Ketawa**].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim, wakil daripada Jabatan Perdana Menteri sudah sedia menjawab soalan itu.

AGENSI KERAJAAN - PENSWASTAAN

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah kejayaan 6 agensi-agensi Kerajaan yang telah diswastakan iaitu Depoh baikpuluh kapalterbang Tentera Udara Di-Raja (AIROD), Terminal Kontena Pelabuhan Kelang; Jabatan Telekom; Sistem Penerbangan Malaysia (MAS); Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Sports Toto. Berdasarkan prestasi agensi-agensi Kerajaan yang telah diswastakan itu, adakah pihak Kerajaan bercadang menswastakan agensi-agensi lainnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, keenam-enam agensi Kerajaan yang telah diswastakan tersebut berjalan dengan baik. Oleh kerana agensi-agensi ini masih baru diswastakan adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk menilai secara terperinci kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh agensi-agensi tersebut selepas ianya diswastakan.

Sungguhpun begitu sukalah saya memaklumkan bahawa laporan-laporan diterima oleh Kerajaan menunjukkan prestasi agensi-agensi ini dari segi peningkatan produktiviti para pekerjanya adalah amat menggalakkan. Kerajaan percaya bahawa peningkatan seperti ini akan mendorong agensi-agensi yang diswastakan tersebut memberi perkhidmatan yang bermutu kepada masyarakat di samping mendapat keuntungan,

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan akan menswastakan agensi-agensi yang lain selepas Kerajaan berpuas hati bahawa penswastakan tersebut mendatangkan faedah kepada semua pihak iaitu kepada pekerja yang terlibat, orang ramai dan juga Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, kejayaan program penswastaaan ini adalah kerana penyertaan ekuiti dari pelabur-pelabur tempatan mahupun antarabangsa. Saya ingin tahu bagaimana peratusan penyertaan ekuiti pihak Kerajaan, pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa dalam syarikat-syarikat yang disebutkan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penswastaaan Negara ini adalah mementingkan rakyat tempatan dan juga pegangan Kerajaan. Bagi syarikat-syarikat yang baru diswastakan sudah tentu pegangan Kerajaan itu terlebih dahulu akan dikekalkan bagi membolehkan syarikat itu berjalan dan selepas itu akan dibuka untuk rakyat tempatan yang dipentingkan, seboleh-bolehnya adalah bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan 30% bumiputera dalam bidang-bidang yang dihajatkan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam sesuatu projek sebelum diswastakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan memastikan supaya bila projek itu diswastakan ia tidak akan merugikan Kerajaan dan adakah setiap projek sebelum diswastakan akan diberi pengumuman kepada orang ramai untuk menyertai ataupun ditawarkan.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan sudah semestinya akan membuat satu kajian yang mendalam dan kajian itu akan diserahkan kepada pihak Kerajaan untuk mendapat keputusan. Setiap sesuatu badan Kerajaan yang hendak diswastakan adalah mendapat keputusan daripada Kabinet, Kerajaan untuk memutuskan. Dan sudah pastilah ianya akan menyediakan, memandangkan soal masalah, pekerjaan, pulangan keuntungan kepada syarikat-syarikat yang telah saya sebutkan tadi.

Jadi, syarikat yang dijangka akan merugikan, ianya tidak akan diswastakan oleh Kerajaan. Kerajaan akan terus memegang syarikat-syarikat yang dijangka tidak akan membuat keuntungan kepada masyarakat dan kepada syarikat yang berkenaan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sudahkah atau tidak pihak Kerajaan mengkaji dengan teliti agensi-agensi Kerajaan yang telah diswastakan ini, yang merupakan monopoli tidak akan menghasilkan tujuan asas untuk menimbulkan keefisyenan dalam bidang berkenaan sekiranya tidak ada persaingan dalam bidang itu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidaklah bersetuju bahawa badan-badan Kerajaan ataupun syarikat-syarikat yang diswastakan oleh Kerajaan itu adalah sebuah syarikat monopoli kerana ianya adalah dibuka peluang kepada seluruh masyarakat, ahli masyarakat untuk menyertai selepas ianya berjalan dengan baik dan mendatangkan kejayaan.

PERHIMPUNAN SETIA (SEMARAK)

11. Tuan G. Rajoo minta Menteri Penerangan menyatakan konsep perhimpunan "Setia" di seluruh negara baru-baru ini. Nyatakan Kejayaan yang dicapai akibat perhimpunan "Setia" ini dan masalah yang dihadapi oleh Kementerian atas usahanya menjayakan projek ini. .

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan

Yang di-Pertua, perhimpunan Setia yang diadakan oleh Kementerian Penerangan dan agensi-agensi Kerajaan serta firma-firma adalah berasaskan kepada Konsep bahawa perhimpunan begitu akan dapat menanamkan semangat setia dan cintakan negara, semangat bekerjasama, ketekunan dan dedikasi kerja dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti.

Usaha-usaha sedang dijalankan bagi meningkatkan kesetiaan rakyat kepada negara melalui program Gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) yang diadakan di seluruh negara untuk merapatkan lagi hubungan rakyat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat di samping menanamkan semangat setia dan cinta kepada negara dan semangat membangun di setiap lapisan masyarakat.

Perhimpunan-perhimpunan ini di-ilikuti oleh berbagai aspek setia seperti khidmat, setia bakti, setia jasmani, setia-rohani, setia-kawan dan setia negara. Dalam Gerakan SEMARAK pemimpin-pemimpin dan rakyat akan sama-sama bekerja dalam mencapai matlamat membawa semangat membangun masyarakat dan negara. Perhimpunan Setia dan program SEMARAK yang melibatkan rakyat dan pemimpin telah berjalan dengan lancar dan tidak ada masalah besar yang timbul di dalam usaha menjayakan kegiatan itu.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menerangkan apakah maknanya yang sebenar "setia rohani" yang dimaksudkan itu?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, 'setia rohani' ialah perkara yang ada kaitan dengan soal kerohanian [Ketawa].

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Mengenai konsep perhimpunan setia itu, bolehkah Yang Berhormat memberi tahu jangka masa kempen itu akan dijalankan dan sama ada kempen itu akan dijadikan satu rancangan tetap oleh Kerajaan?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kempen Setia sebenarnya dijalankan semata-mata merupakan satu konsep untuk menanamkan kesetiaan kepada negara. Ianya bukan merupakan satu perkara yang dipaksa kepada sesiapa dan kita tidak mempersoalkan kesetiaan seseorang rakyat, tetapi kita sekadar menggalakkan dan menanamkan semangat agar kesedaran terus timbul di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum supaya kesetiaan kepada negara, bangsa dan Raja akan dapat berterusan selepas merdeka selama 30 tahun.

AIDS - PROGRAM PENCEGAHAN

12. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai:

- (a) hasil persidangan Menteri-menteri Kesihatan seluruh dunia mengenai "Pencegahan Penularan Penyakit Aids" yang diadakan di London pada 26hb Januari, 1988 yang lalu dan bagaimanakah perkembangan Penyakit AIDS itu di Malaysia setakat ini; dan
- (b) mengapakah peralatan Pengesanan Barah Buah Dada tidak ada di Hospital Besar Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membelinya bagi kemudahan wanita-wanita yang memerlukan peralatan ini yang tidak berkemampuan membuat ujian tersebut di klinik-klinik swasta.

Dato' Chao Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (a), Persidangan Kemuncak Menteri-menteri Kesihatan Sedunia berkaitan Program Pencegahan AIDS yang telah diadakan di London pada 26hb - 28hb Januari, 1988 telah menumpukan kepada cara-cara memberi maklumat dan pendidikan kesihatan kepada orang ramai, golongan-golongan yang berisiko tinggi dan pengidap-pengidap penyakit AIDS serta pembawa-pembawa kuman AIDS. Hasil dari persidangan tersebut,

Malaysia telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam cara-cara untuk menyampaikan maklumat dan pendidikan kesihatan kepada golongan-golongan yang disebutkan di atas. Cara-cara ini akan disesuaikan berdasarkan keadaan di Malaysia dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah dan mengawal penyakit AIDS di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31hb Mac, 1988 hanya 3 kes AIDS, satu kes "AIDS Related Complex (ARC)" dan tiga pembawa penyakit AIDS telah dtkesan di negara kita. Dua daripada kes AIDS ini ialah warganegara Malaysia dan yang seorang lagi ialah warganegara asing. Ketiga-tiga mereka ini telahpun meninggal dunia .

Jawapan berkenaan dengan soalan (b), saya telahpun menjawabnya ketika menggulung perbahasan atas usul ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada hari semalam iaitu Kementerian Kesihatan telah pun merancang untuk membeli sebuah alat pengesan barah buah dada untuk Hospital Besar Kuala Lumpur. Alat itu dijangkakan dapat digunakan sebelum penghujung tahun 1989.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Menteri Kesihatan iaitu di TV itu apabila menyebut AIDS itu puncanya kerana 'persetubuhan rambang'. Jadi banyak orang bertanya saya, apa makna 'persetubuhan rambang' itu, sedangkan di dalam bahasa yang sebenarnya ada istilah 'zina' atau 'liwat'. Jadi, kenapakah tidak digunakan istilah yang sudah ada? 'Persetubuhan rambang' itu adakah maksudnya suka celup sana, celup sini [**Ketawa**] . Adakah demikian maksudnya? Jadi, masyarakat hendak mengetahui.

Yang keduanya, seseorang yang dijangkit oleh AIDS itu dijangka berapa lama dia boleh maut?

Dato' Chan Siang Sun : Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jangkitan AIDS ini adalah melalui beberapa cara. Apa yang disebutkan tadi cuma satu cara sahaja. Ada cara yang lain selain daripada melalui perhubungan jenis (sex). Ada cara yang lain juga seperti melalui pemindahan darah atau 'blood transfusion' dan juga melalui ibu-ibu yang mengandung. Jadi, itu tiga cara yang dapat diketahui, tetapi untuk menyedarkan kepada masyarakat umum, jangkitan AIDS ini sebahagian besar adalah melalui hubungan jenis atau hubungan seks. Jadi, oleh kerana penyakit ini dahsyat sekali, maka kita pada bila-bila masa sahaja menyentuh persoalan penyakit AIDS ini, kita katakan perhubungan sekslah yang menjadikan ancaman besar sekali terdedah kepada kes AIDS dalam dunia pada hari ini.

Dengan itu saya harap seperti di dalam jawapan asal saya iaitu melalui maklumat pendidikan dua perkara yang penting sekali dan ini juga adalah dua perkara WHO atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga menegaskan bahawa dua cara ini sangat penting. Selain daripada dua cara yang penting ini itu pun bergantung kepada individu sendiri oleh kerana dalam penyakit AIDS ini penjagaan sendiri juga diutamakan. It is a matter of choice, if you really want to have it you can have it. Jadi, penjagaan sendiri pun adalah penting sekali.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan kedua ialah, berapa lama seseorang yang dijangkit itu.

Dato' Chan Siang Sun: Mengikut apa yang telah dilaporkan oleh WHO iaitu apabila seseorang yang menjadi pembawa (carrier) ini tidak bermakna bahawa ia terus menjadi kes AIDS, oleh kerana ia mesti menjadi pembawa dahulu, kemudian ARC-AIDS - related complex, lepas itu kes yang benar. Dia ada tiga peringkat - pembawa, ARC dan actual case, kes yang sebenar. Jikalau seseorang itu sudah menjadi pembawa, barangkali tiga atau lima tahun kemudian dia akan menjadi kes. Bila sudah menjadi kes benda itu, sudah tidak berapa harapan lagi, cuma tiga bulan atau lebih-lebih lima bulan dia pun pergilah. **[Ketawa]** Itu dia punya tempoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.13 hingga 68 adalah

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) 1988

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**4.02 ptg.**

Timbalan Menteri Dalam Negeri[Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Pertubuhan sekarang ini berkuatkuasa ke atas bermacam-macam jenis pertubuhan dari persatuan belia hinggalah kepada pertubuhan politik, dari badan amal hinggalah ke badan profesional. Badan-badan ini bukan sahaja berbeza dari segi tujuan dan undang-undang tubuhnya, tetapi juga daripada segi bilangan ahli dan skop kegiatannya. Justeru itu, apa yang sesuai bagi sesuatu pertubuhan, mungkin tidak praktikal bagi pertubuhan yang lain dan apa yang sesuai bagi satu masa mungkin tidak sesuai pada masa yang lain.

Di antara peruntukan Undang-undang Pertubuhan yang sukar diamalkan oleh pertubuhan yang besar ialah keperluan mengawasi kegiatan semua ahli dan semua cawangan supaya semua pihak mematuhi undang-undang. Peruntukan dalam Seksyen 12, Akta Pertubuhan bermaksud jika mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan menyalahi undang-undang sehingga ia dihukum tidak sah atau haram maka pertubuhan induk juga akan menjadi tidak sah dan dengan itu semua cawangan yang sah menjadi tidak sah. Bagi pertubuhan yang hanya mempunyai beberapa cawangan pengawasan mungkin boleh dibuat oleh pihak badan

induk, tetapi adalah mustahil dan tidak praktikal bagi mana-mana Ibu Pejabat sesuatu Pertubuhan yang mempunyai beribu-ribu cawangan dan berjuta ahli mengawasi semua kegiatan cawangan dan ahli sepanjang masa. Tanpa pengawasan yang rapi, maka berkemungkinan besar berlaku pelanggaran Akta di peringkat cawangan dan cawangan-cawangan ini mungkin diharamkan. Oleh itu mengikut peruntukan dalam Akta Pertubuhan sekarang, seluruh pertubuhan diharamkan.

Bagi pertubuhan politik yang mempunyai lebih sejuta ahli dan cawangan-cawangan di hampir setiap kampung dan bandar serta memiliki berbagai jenis harta, termasuk bangunan kecil dan besar, saham dalam berpuluh-puluh syarikat dan anak syarikat, simpanan dalam bank, hutang kepada berbagai bank dan cawangan-cawangan bank, pekerja-pekerja yang bergaji, sewaan bangunan, pengarah dan pengurus yang mewakili pertubuhan dalam berbagai syarikat, alat-alat pejabat dan lain-lain, maka sudah tentulah pengharaman itu akan mendatangkan implikasi yang amat besar.

Pegawai Pemegang Harta yang ditugaskan untuk mentadbirkan harta sesebuah pertubuhan yang telah diharamkan terpaksa mengambil masa yang amat panjang untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan di sini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Pertubuhan Kebajikan Orang-orang India Semenyah, Selangor dan Kelab Sukan Sepakat Setia Perunding telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan. Pertubuhan baru yang sama namanya telah didaftarkan dan harta

kedua-dua pertubuhan tersebut dipindahkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang baru daftarkan itu. Pindaan ini adalah untuk menjelaskan lagi cara yang harus dilakukan bagi mentadbir dan menguruskan harta-harta dan hutang-piutang sesebuah pertubuhan apabila pendaftarannya dibatalkan.

Pindaan ini menjadi penting kerana seperti yang saya katakan tadi, Jabatan Pemegang Harta tidak mampu untuk mentadbir harta dan hutang-piutang sesebuah pertubuhan yang besar. Hakikat ini terpaksa diakui dan untuk mengatasi masalah ini, beberapa pindaan terpaksa dibuat dengan segera terhadap Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan dan asas-asasnya:

Pindaan kepada seksyen 12

Menurut peruntukan seksyen 12 (3) Akta sekarang, keseluruhan pertubuhan menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang jika satu sahaja daripada cawangannya ditubuhkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan hanya cawangan yang menyalahi undang-undang sahaja dan bukannya keseluruhan pertubuhan itu yang menjadi tidak sah.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, peruntukan yang sama terdapat dalam Akta Pertubuhan di Singapura dan Ordinan Pertubuhan di Hongkong.

Pindaan kepada seksyen 17

Pindaan-pindaan kepada seksyen 17 Akta ialah mewujudkan subseksyen-subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) di bawah seksyen itu. Subseksyen (3) adalah bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar dan, Pegawai Pemegang Harta membuat urusan dengan badan pengelola, pemegang-pemegang jawatan dan pekerja sesuatu pertubuhan

yang telah dibatalkan pendaftarannya. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa orang-orang tersebut dalam memberi apa-apa bantuan berhubung dengan urusan tersebut tidak akan didakwa atas sesuatu kesalahan di bawah berbagai peruntukan Akta ini.

Subseksyen baru (4) adalah memperuntukkan hukuman kepada mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (3) tersebut. Penalti bagi sesiapa yang tidak mematuhi subseksyen tersebut ialah hukuman penjara tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Subseksyen baru (6) di bawah Seksyen 17 pula adalah bertujuan menjelaskan bahawasanya jika harta sesuatu pertubuhan adalah terletak pada Pegawai Pemegang Harta, maka harta-harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, sama ada cawangan itu cawangan yang sah menurut undang-undang, atau yang menyalahi undang-undang, akan juga terletak pada Pegawai Pemegang Harta. Dalam keadaan sedemikian, kuasa Pegawai Pemegang Harta dan Pendaftar di bawah Seksyen 17 mengenai penyelesaian harta adalah terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.

Peruntukan ini adalah perlu memandangkan terdapatnya cawangan-cawangan setengah pertubuhan memiliki harta dan membuat kontrak mengikut keperluan mereka sendiri.

Seksyen baru 17A

Seksyen baru 17A bertujuan memastikan bahawa seksyen 17 yang berkaitan dengan penggulungan sesuatu pertubuhan menyalahi undang-undang oleh Pegawai Pemegang Harta itu terpakai bagi suatu cawangan yang menyalahi undang-undang.

Seksyen baru 17B

Seksyen baru 17B bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah meletakkan segala aset, hutang dan liabiliti sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 dalam sesuatu pertubuhan baru jika perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baru adalah pada matanya serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan lama dan jika sebilangan besar orang yang menjadi ahli pertubuhan lama adalah juga ahli pertubuhan baru.

Kuasa Pegawai Pemegang Harta dalam hubungan ini hanya boleh dijalankan jika ia menerima perintah bertulis dan mendapat keizinan bertulis daripada badan pengelola pertubuhan baru bagi meletakkan tersebut serta juga suatu akujanji yang menyatakan bahawa pertubuhan baru akan mengambilalih tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama yang ada ketika itu. Perintah perletakkan mahkamah ke atas permohonan Pegawai Pemegang Harta akan meletakkan pada pertubuhan baru segala harta yang terkandung dalam perintah itu tanpa apa-apa pindahak, serahak atau pindahmilik selanjutnya.

Seksyen baru 48

Mengenai seksyen baru 48 pula, ianya memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi sesiapa yang bertindak bagi pihak atau membantu dengan cara apa jua pun, mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan juga pemegang-pemegang jawatan pertubuhan berkenaan. Peruntukan ini juga terpakai kepada mana-mana badan pengelola pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pemegang jawatannya .

Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen ini tidak terpakai bagi sesuatu rayuan oleh pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau berhubung dengan apa-apa prosiding dalam mahkamah yang melibatkan pertubuhan ita. Penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini ialah hukuman penjara tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pindaan kepada seksyen 49

Pindaan kepada seksyen 49 adalah bertujuan mengecualikan pemegang-pemegang jawatan dalam parti-parti politik daripada tertakluk kepada peruntukan seksyen 49 sekarang. Seksyen 49 Akta

sekarang memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang pemegang jawatan pertubuhan yang telah terbatal pendaftarannya daripada terus memegang jawatan mana-mana pertubuhan lain tanpa izin Pendaftar. Dengan ini, pemegang-pemegang jawatan dalam parti-parti politik adalah dikecualikan daripada peruntukan ini.

Pindaan kepada seksyen ini juga memperuntukkan tempoh masa 30 hari bagi pemegang jawatan pertubuhan yang terbatal pendaftarannya untuk meminta kebenaran Pendaftar bagi terus memegang jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan lain.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988 adalah untuk mengatasi berbagai masalah pentadbiran sahaja.

Seksyen baru 3A adalah bertujuan memberi kuasa bakian atau, dengan izin, kuasa 'residual' kepada Pendaftar yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Akta untuk membolehkan Pendaftar menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini dengan berkesan.

Seksyen baru 6A pula akan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk meminta maklumat lanjut membuat apa-apa pertanyaan berhubung dengan berbagai-bagai permohonan di bawah Akta termasuk permohonan untuk mendaftar pertubuhan-pertubuhan, kebenaran penubuhan cawangan-cawangan, kebenaran meminda kaedah atau kebenaran untuk terus memegang jawatan dalam pertubuhan yang lain atau menjadi pemegang jawatan di sesuatu pertubuhan lain. Kegagalan pihak pertubuhan memenuhi kehendak Pendaftar itu boleh menyebabkan permohonannya ditolak.

Pindaan kepada Seksyen 10 mengkehendaki sesiapa yang memohon untuk membuat pemeriksaan atau mendapatkan salinan dokumen-dokumen yang telah difailkan dengan Pendattar supaya menyatakan maksud permintaan itu. Pendaftar akan membenarkan permohonan itu jika ia berpuas hati bahawa maksud permohonan itu adalah menurut undang-undang dan ia tidak diminta oleh atau bagi pihak sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Pindaan ini bertujuan menghalang permintaan remeh-temeh dan juga permintaan bagi maksud yang tidak sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperbaiki beberapa kelemahan dan ketidakpastian yang terdapat di dalam Akta Pertubuhan sekarang serta melicinkan lagi pentadbiran Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kesihatan[Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat **Datuk Haji Nasir bin Haji Manap.**

4.15 ptg.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini adalah untuk membahaskan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988.

Dalam akta yang dibentangkan ini di antaranya seperti di dalam Seksyen baru 6A adalah bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar

meminta apa-apa maklumat lanjut yang diFikirkan perlu untuk mendaftarkan satu-satu pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, tercatat juga di dalam pindaan subseksyen 3 Seksyen 12 Akta, Fasal 5 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menyalahi undang-undang hanyalah sesuatu sesuatu pertubuhan yang berdaftar sahaja dan bukannya pertubuhan itu sendiri .

Juga di dalam subseksyen baru (4) yang dicadangkan adalah bertujuan mengenai kesalahan-kesalahan kerana tidak mematuhi kehendak di bawah subseksyen baru (3) yang dicadangkan itu. Jika sabit kesalahannya, penalti maksimum dikenakan ialah penjara selama tempoh 5 tahun atau denda \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

Tercatat juga di dalam Seksyen baru 17B adalah bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi suatu perintah dengan meletakkan segala aset, hutang dan liabiliti sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar.

Dan pada satu pertubuhan baru, jika perlembagaan dan kaedah-kaedah Pertubuhan baru itu serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan lama dan jika sebilangan besar orang yang menjadi anggota menurut undang-undang bagi pertubuhan lama sebelum pembatalan pendaftaran adalah anggota pertubuhan baru itu diakui.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini adalah jelas dengan pengwujudan subseksyen baru Seksyen 17 ini saya merasakan sekiranya ada ahli-ahli di dalam satu-satu pertubuhan itu yang telah merasa kecewa dan berhasrat untuk memusnahkan khususnya kepada pertubuhannya sendiri atau parti politik, mereka tidak akan berhasil, lebih-lebih lagi sebahagian besar daripadanya ahli-ahli parti bersama-sama dengan mereka dahulu sanggup mengambil tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang tercatat di dalam subseksyen (4), seseorang yang telah menjadi anggota di dalam pertubuhan lama sebelum pembatalan pendaftarannya dan bukan seorang anggota pertubuhan baru, tetapi telah memohon kepada Pegawai Pemegang Harta dibayar pampasan bagi bahagiannya di dalam aset bersih pertubuhan lama, tetapi mereka tidak boleh lari dan bertanggungjawab bagi hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan cawangan-cawangannya. Dengan adanya subseksyen (4) ini, saya merasakan ahli-ahli pertubuhan tidak sahaja memikirkan tuntutan asetnya, tetapi mengambil kira juga hutang dan liabiliti yang patut dituntut daripadanya. Dengan itu tidaklah begitu mudah seorang ahli pertubuhan lama untuk menimbun dan menuntut aset bersihnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sebagai mana yang tercatat di dalam Fasal 10(b) Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 49 Akta yang menjadikan satu kesalahan bagi seorang yang telah menjadi pemegang jawatan sesuatu pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya kecuali politik yang menjadikan satu kesalahan bagi orang itu terus kekal menjadi pemegang jawatan mana-mana pertubuhan lain yang dia telah menjadi pemegang jawatan sebelum tanpa kebenaran bertulis daripada Pendaftar Pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasai Fasal 10(b) Rang Undang-undang seperti yang dijelaskan adalah bertujuan untuk mengelakkan ahli-ahli pertubuhan lama yang pendaftaran pertubuhannya telah dibatalkannya tidak dengan sewenang-wenangnya menjadi pemegang jawatan mana-mana pertubuhan. Dengan itu setelah memetik bahagian-bahagian tertentu di dalam Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988 yang dibentangkan ini, saya suka menarik perhatian khususnya kepada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan Pendaftar Pertubuhan dan lain-lain aspek yang difikirkan perlu. Yang pertama sekali, di dalam Fasal 10(b) Rang Undang-undang yang bertujuan meminda Seksyen 49 Akta, walaupun telah meletakkan satu kesalahan sebagai mana yang tercatat di dalam fasal dan seksyen yang berkenaan, tetapi tidak meletakkan satu penalti yang tertentu. Jika ini nyata - tidak tercatat saya mengesyorkan penalti yang maksimum apabila disabitkan kesalahan itu ialah penjara selama tempoh 2 tahun atau denda \$2,000 atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu, agak saya telah memastikan juga pada masa-masa yang lalu proses untuk mewujudkan sesuatu pertubuhan di peringkat cawangan dikendalikan oleh pihak pertubuhan pusat itu dengan cawangannya dan pihak Pendaftar Pertubuhan. Dengan kata

lain, kalau sesuatu cawangan pertubuhan hendak diwujudkan, pihak cawangan hendaklah menghantar kepada pertuhuhannya di peringkat pusat, kemudian baharulah permohonan daripada cawangan itu disampaikan ke Pejabat Pendaftar oleh pertubuhan di peringkat pusat tadi.

Saya merasakan kaedah ini boleh menimbulkan masalah kerana di antaranya apabila cawangan memohon untuk mewujudkan satu pertubuhan di peringkat cawangan dan permohonannya disampaikan di peringkat bahagian atau pusat, pihak cawangan memikirkan permohonannya telah lulus, pada hal belum diketahui lagi sahihnya, kerana di dalam proses di peringkat bahagian dan pusat. Dengan ini saya mencadangkan sebarang untuk mewujudkan pertubuhan di peringkat cawangan, pertama sekali peringkat cawangan hendaklah dapat persetujuan dahulu daripada pihak pusat untuk menubuhkan pertubuhan itu di peringkat cawangan. Selepas itu baharulah peringkat cawangan mengemukakan permohonannya kepada Pendaftar Pertubuhan dan salinannya boleh dihantar kepada peringkat bahagian ataupun pusat.

Dengan cara ini adalah secara tidak langsung segala alasan pertanyaan dan penjelasan pihak Pendaftar Pertubuhan terus dihalakan ke peringkat cawangan yang berkenaan. Dengan cara ini selagi pihak Pendaftar tidak meluluskan permohonan di peringkat cawangan-cawangan itu, maka pihak cawangan Pertubuhan itu telah ketahui cawangannya masih tidak wujud lagi. Setelah permohonannya diluluskan oleh Pendaftar, barulah pihak cawangan menghantar surat ke bahagian dan ke pusat yang menyatakan cawangannya telah wujud ataupun telah diluluskan oleh pihak Pendaftar. Dengan ini perlu dinyatakan sebelum pihak cawangan menghantar permohonaannya ke Pendaftar Pertubuhan, terlebih dahulu telah diperkenankan oleh peringkat pusat bagi pertubuhan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Selain daripada itu, saya suka menarik perhatian berhubung dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan yang ada di Melaka. Apa yang saya ketahui, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan di Melaka yang berpusat di bandar Melaka tetapi aktiviti kerjanya tertakluk di dalam kawasan negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Kalau kita perhatikan di dalam kawasan yang dijaga pula meliputi dua buah negeri, adalah difikirkan pengurusan pentadbiran dan perhubungan orang ramai dengan Jabatan ini agak jauh dan boleh menyusahkan.

Dengan ini saya mencadangkan kepada Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan, sekarang telah sampai masanya Pejabat Pertubuhan Pendaftaran yang diadakan di negeri Melaka itu yang merangkumi aktivitinya di Negeri Sembilan dapat diwujudkan juga di Negeri Sembilan. Dengan tidak secara langsung Pejabat Pendaftaran di Melaka mempunyai sebuah pejabat dan juga di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, Tuan Azumu Tak.

4.34 ptg.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta di dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini dan saya mengambil peluang ini untuk menyokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong saranan Yang Berhormat Datuk Nasir tadi bahawa Pejabat-pejabat Pendaftaran Pertubuhan ini haruslah diubahsuai di kawasan-kawasan di mana mempunyai banyak pertubuhan-pertubuhan. Jika di Melaka seperti yang disebutkan tadi, saya suka juga menyebutkan bahawa Pejabat Pendaftaran di negeri Perak juga perlu diubah tempatnya daripada sebuah kedai ke pejabat yang agak selesa yang mana kawasan pejabat banyak di bandar Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan meminta periaeriksaan untuk mendapat salinan-salinan dokumen-dokumen, saya cadangkan supaya pejabat Pendaftaran membenarkan pihak-pihak yang berkehendakkan dokumen-dokumen itu dengan membayar satu 'fee'. Jika di pejabat pendaftaran syarikat-syarikat apabila seseorang itu berkehendakkan sesuatu maklumat, maka kita terpaksa membayar 'fee' kepada pendaftar itu, saya agak Pendaftar Pertubuhan juga harus berbuat demikian.

Saya amat bersetuju jika Pendaftar Pertubuhan diberi kuasa yang agak lebih luas di dalam mentadbirkan pertubuhan-pertubuhan yang begitu banyak di dalam negara kita ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi. Tuan Yang di-

Pertua, pertubuhan-pertubuhan yang begitu banyak di dalam negara kita ini kebanyakannya telah didaftarkan sebelum merdeka dahulu dan mereka ini masih wujud dengan aktifnya tetapi rang undang-undang perjalanan pertubuhan-pertubuhan itu tidak langsung berubah mengikut keadaan semasa. Jika pada hari ini sebuah pertubuhan baru hendak ditubuhkan, maka Pendaftar Pertubuhan barkehendakkan salinan rang undang-undang pertubuhan itu dan salinan itu diteliti dengan sepenuhnya dan kadangkala diubahsuai oleh Pendaftar Percubuhan tersebut. Tetapi malangnya pertubuhan-pertubuhan yang lama wujud ini langsung tidak kita semak bagaimana keadaan mereka itu bergerak. Kemungkinan besar ada di antara pertubuhan-pertubuhan itu bergerak menyalah undang-undang negara kita.

Yang penting sekali kalau kita perhatikan ada juga pertubuhan-pertubuhan ini yang memalsukan dokumen atau rekod yang dihantar ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Misalannya, jika di dalam pertubuhan itu berkehendakkan satu jumlah kuorum yang hadir di dalam mesyuarat agungnya tetapi apabila mesyuarat agung itu dijalankan, kuorumnya tidak cukup, mesyuarat dijalankan juga dan oleh kerana hendak mengisi kuorum itu kadangkala pegawai-pegawai yang berkenaan mencari kawan-kawan mereka di rumah menandatangani borang kehadiran itu tanpa ahli-ahli yang berkenaan hadir di dalam mesyuarat agung itu. Kita, tidak berkehendakkan perkara ini berlaku kepada pertubuhan-pertubuhan yang besar-besar yang mempunyai ahli-ahli dari orang-orang yang kaya, kadangkala inilah pertubuhan-pertubuhan yang selalu tidak mengikut undang-undang pertubuhan mereka sendiri.

Selain daripada itu, ada juga pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar-, pertubuhan-pertubuhan yang dianggotai oleh sekumpulan orang-orang kaya saya katakan, mempunyai kelab-kelab mereka sendiri

yang menjalankan banyak maksiat-maksiat di dalam rumah kelab mereka itu. Ini adalah kumpulan orang-orang yang berkawan di antara 10, 15-20 orang tetapi yuran yaag dibayar kepada pertubuhan-pertubuhan ini adalah besar. Maka saya agak adalah baik jika Pendaftar Pertubuha mengambil tahu keadaan mereka ini apakah aktiviti-aktiviti mereka yang dijalankan. Mereka ini mempuayai kelab-kelab yang eksklusif yang kadangkala kalau pihak Polis pun hendak masuk ke dalam premis mereka itu Langsung tidak dapat berbuat demikian oleh kerana cara pergerakan mereka itu amat menyulitkan untuk sesuatu tindakan diambil.

Kepada kelab-kelab pertubuhan-pertubuhan yaag kaya-raya yang saya katakan ini, saya telah menyarankan 3 bulan yang lalu di dalam ucapan Belanjawan supaya kita mengutip cukai daripada mereka itu, daripada kelab-kelab yang agak kaya-raya ini, kerana saya difahamkan bahawa mereka juga mengutip interest daripada ahli-ahli mereka yang lambat membayar yuran, yang lambat membayar apa sahaja pembayaran yang patut dibayar kepada pertubuhan mereka itu. Dan saya difahamkan bahawa interest ini adalah agak tinggi, maka jika kutipan itu mereka boleh kutip daripada ahli-ahli mereka, saya rasa kutipan itu juga harus diberi kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan keadaan-keadaan jawatankuasa-jawatankuasa di kuil-kuil, di-gereja-gereja dan di tokong-tokong di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masjid-masjid di negara kita ini saya bersyukur kerana semua masjid-masjid adalah dijaga oleh Jabatan-jabatan Agama di tiap-tiap Negeri di negara kita ini. Sungguhpun ada juga bilangan masjid yang kecil, yang kita tidak berapa puas hati perjalanaanya kerana dikuasai atau digunakan oleh kawan-kawan saudara-saudara kita daripada parti-parti Pembangkang, tetapi pada keseluruhannya masjid-masjid ini adalah dijaga dan dikontrol dengan baik oleh Jabatan Agama Negeri-negeri. Tetapi saya ingin hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana keadaan kuil-kuil, gereja-gereja dan tokong-tokong di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut kuil-kuil, gereja-gereja dan tokong-tokong ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, tidak salah faham terhadap apa yang saya katakan, kerana saya juga bersetuju yang amat sangat apa yang dikatakan oleh sahabat Kita Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom petang semalam bahawa apabila seorang Melayu hendak menyebut berkenaan dengan bangsa lain, maka boleh disalahgunakan, demikian juga jika kaum lain menyebut orang Melayu mungkin disalahgunakan.

Saya bersetuju bahawa semua Ahli-ahli Dewan ini supaya perpaduan yang disebutkan oleh sahabat baik kita semalam harus diikuti dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah Kelab-kelab Lumba Kuda yang ada di negara kita ini. Kelab-kelab ini bergerak dengan kumpulan ahli yang kecil dan inilah yang saya katakan

kelab-kelab yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua dahulu tanpa ada apa-apa pindaan kepada Perlembagaan mereka. Kelab-kelab ini amat kaya sekali, Sungguhpun mereka banyak membayar cukai kepada Kerajaan dan ada juga sedikit-sedikit perkhidmatan diberikan kepada penduduk-penduduk tempatan, tetapi ahli-ahli mereka ini adalah dihadkan. Ada yang cuma untuk 100 orang sahaja, ada yang untuk 200 orang sahaja, itu terpulang kepada kelab-kelab yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan begitu ramai orang-orang yang pergi melabur di tiap-tiap minggu di kelab-kelab tersebut, tetapi kemudahan yang diterima oleh ahli yang kecil sahaja, maka ini tidaklah patut. Saya harap Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dapat meminta supaya mereka menukar undang-undang mereka untuk membolehkan lebih ramai orang menjadi ahli kelab tersebut. Bukanlah niat saya untuk diri saya hendak menjadi ahli di dalam kelab ini dan juga ahli untuk orang-orang Islam di negara ini, tetapi kawan-kawan kita daripada kaum bukan Islam itu ramai di negara ini, seperti saya katakan tadi selalu melabur di tempat tersebut pada tiap-tiap minggu tanpa menerima apa-apa kemudahan, maka kelab seumpama ini haruslah kita memerhatikan supaya satu-satu tindakan dapat diambil, supaya mereka dapat meminda Perlembagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin sebutkan di sini ialah cara-cara apabila sebuah kelab baru itu ditubuhkan, yang menggunakan nombor siri mengikut negeri atau bandar pertubuhan itu ditubuhkan.

Saya cadangkan supaya nombor pendaftaran itu dicentralisekan, diibupusatkan supaya senang hendak diikuti oleh semua pihak, jika

hendak mula daripada nombor 1 pun biarlah daripada 1 hingga ke 50,000 atau 1 juta pun tidak mengapa jika jumlah kelab di negara ini ada 1 juta. Tetapi keadaan sekarang ini saya perhatikan bahawa satu negeri mempunyai nombor siri yang lain, maka inilah yang melihat begitu susah di dalam kita mendaftarkan UMNO misalnya di peringkat cawangan-cawangan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi semua masalah ini, maka saya harap bahawa Pejabat Pendaftaran Pertubuhan perlu mempunyai pegawai-pegawai yang lebih ramai dan peruntukan kewangan yang lebih besar. Adalah dicadangkan supaya semua ini dapat diberikan dengan serta-merta, demi untuk kepentingan semua rakyat di negara kita ini, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat **Tuan Tiong Hiew King**.

4.46 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian membahaskan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 yang sedang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini beberapa peruntukan yang terdapat di Akta Pertubuhan 1966 akan dipinda dan digantikan atau dimasukkan dengan yang baru, dengan pindaan dan kemasukan peruntukan-peruntukan ini beberapa perkara yang kabur, kurang jelas atau terlangkau dahulu menjadi lebih jelas dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan Seksyen baru 3A, 6A dan pindaan Seksyen 10 dalam Akta, Pendaftar diberi kuasa dan kewajipan yang lebih untuk menunaikan segala tugas, dan melaksanakan segala fungsi yang perlu berhubung dengan peruntukan-peruntukan Akta ini. Pemindaan dan kemasukan peruntukan baru ini adalah perlu untuk memastikan mana-mana pertubuhan berfungsi dengan betul mengikut Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, melihat peristiwa yang berlaku akhir-akhir ini adalah perlu meminda Seksyen 12 dan 17 dengan memasukkan peruntukan-peruntukan baru seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan pemindaan tersebut kerana dengan penguatkuasaan Akta ini apabila mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan menyalahi undang-undang, cawangan itulah yang terlibat sahaja, bukannya pertubuhan itu sendiri. Pertubuhan itu masih boleh berfungsi, tidak akan terjejas oleh sebahagian anggota yang kurang hati-hati atau mungkin bertindak kurang bertanggungjawab. Itu memang patut, apabila mana-mana cawangan atau pertubuhan telah menyalahi undang-undang harta-harta serta segala aset hutang dan Habilities, pertubuhan lama boleh diletakhakkan kembali pada pertubuhan baru atas permohonan pengelolanya, melalui prosedur dan dengan syarat-syarat seperti ditetapkan di seksyen baru 17A dan 17B itu. Ini perlu sebab penubuhan sesuatu pertubuhan adalah memelihara kesejahteraan dan faedah semua anggotanya. Harta-harta atau aset sesuatu pertubuhan adalah hasil dari usaha anggota-anggotanya selama

pertubuhan itu berfungsi, maka dengan penguatkuasaan Akta ini, harta-harta atau aset-aset sesuatu pertubuhan yang diusahakan dan dikumpulkan atau terhimpun oleh semua anggota itu tidak akan hilang dengan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya dan sekali lagi saya mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih.

4.50 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 yang boleh dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988. Pandangan saya, apa yang indah itu semuanya baik belaka.

Saya tidak hendak komen apa-apa, kecuali dalam dua perkara sahaja iaitu hal Pejabat Pendaftar Pertubuhan di negeri-negeri juga di Pulau Pinang misalnya. Apakala seorang datang membuat permohonan untuk menubuhkan satu kelab atau persatuan, mereka diberi borang saiklostail dan kebanyakan perkataan itu boleh dikatakan tidak ketara lihat boleh dibaca. Dan prosesnya pun begitu mudah. Akhir-akhir ini satu cara baru kelab kononnya apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat, memang betul kelab-kelab ini ditubuhkan dengan tujuan yang lain.

Contohnya kelab kasino kecil ataupun yang mereka cuba menggalakkan perjudian iaitu One Arm Bandit, dengan izin, Jackpot Machine. Untuk menjalankan kasino kecil ini, mereka perlu ada kelab, maka permohonan dimasuk, Pejabat Pendaftaran pun memprosesnya dengan cepat sahaja. Dalam seminggu dua, mereka dapat kelulusan. Kemudian mereka pun jalankan kegiatan kasino kecil ini. Ini perlu dikaji sedalam-dalam, mengapakah begitu mudah satu-satu permohonan itu yang tujuan asalnya hendak tubuh kelab rekreasi kononnya, akhirnya menjadi tempat perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri yang berkenaan kalau boleh, hendaklah tegas sedikit dalam hal ini, hatta borang yang dikeluarkan dikenakan bayaran pun tidak mengapalah, asalkan borang-borang itu dicetak dengan terang, dengan elok dan pemerosesan itu biarlah dengan teliti. Pegawai dari jabatan yang berkenaan perlulah pergi ke tempat yang dimaksudkan hendak adakan kelab, kaji baik-baik secara mendalam, kalau boleh janganlah menggalakkan banyak iaitu perjudian One Arm Bandit ini. Dan ini juga satu masalah sebab Kementerian Kewangan mengeluarkan lesen, quarterly licence, kononnya tiga bulan sekali mereka ini boleh menjalankan perniagaan itu. Kemudian kalau dia puas hati, dipulih, dia boleh membaharui lagi lesennya. Ini pun satu masalah. Diharap kedua-dua Kementerian ini hendaklah kalau boleh berhentilah, memadailah dengan sekarang ini kasino di Genting. Mereka boleh pergi ke Genting kalau hendak try Jackpot Machine.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab dari selaku Ahli Dewan Negara, saya berpendapat semua rakyat hendaklah patuh kepada undang-undang yang tujuan utamanya ialah untuk kebaikan rakyat kesemuanya. Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah tentang saranan Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Yusof Nor baru-baru ini iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana disiarkan dalam akhbar "Amnesty" bertarikh 23hb. Mac, 1988 supaya Darul-Arqam didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Hal ini sudahpun dibangkitkan semalam, kalau tidak salah saya oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin. Walau bagaimanapun, saya pandang perkara ini berat kerana saranan Dato' Dr. Mohamad Yusof Nor ini mahupun kena pada tempatnya, tetapi pihak Darul-Arqam ini sudahpun menjadi satu perkara bahan ketawa. Mereka

tidak mengindahkan kepada nasihat Menteri itu, malahan kata mereka hanya ini satu badan dakwah semata-mata.

Kita faham dan kita mahu rakyat bersanjung dan menghormati undang-undang yang diadakan. Jika sekiranya Menteri yang berkenaan tidak dapat memaksa mereka ini menubuhkan ataupun mendaftarkan sebagai satu badan pertubuhan, ada kemungkinan aktiviti-aktiviti mereka ini kita tidak dapat mengawalinya. Apa saya difahamkan mengikut Akta Pertubuhan 1966 itu definisinya dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, "Society means company, partnership association of seven or more persons with a set objective". Sudah tentu apakala mereka mengadakan, iaitu Darul-Arqam ini menganjurkan sesuatu perjumpaan yang besar-besar, sudah tentu keramaian yang hadir itu ada lebih daripada 7 orang. Maka ada kemungkinan satu-satu aktiviti dijalankan itu tanpa dikawal dan boleh juga membawa mudarat kepada Ketenteraman. Dan jika sekiranya persatuan mereka ini ditubuh atau didaftar sebagai satu Kesatuan, saya fikir faedahnya adalah lebih baik daripada yang dibiarkan seperti sekarang ini.

Selain daripada itu, Kerajaan juga dapat mengawal segala-gala jejak langkahnya dan juga dapat ambil tindakan jika sekiranya mereka menyeleweng tidak mengikut seperti apa yang dikehendakki oleh undang-undang dan mereka juga boleh dihukum sepertimana yang disebutkan dalam Akta itu. Jadi, dengan harapan saya ini sambil saya menyokong pindaan Akta ini, saya berharap Kementerian berkenaan benar-benar ambil apa yang saya sebutkan tadi secara serius dan kita berharap nama baik Menteri yang, menegur dan menasihati itu juga ditebus. Tidaklah mereka itu dengan jawapan yang diberi itu memalukan sesuatu ataupun merendahkan sesuatu permohonan ataupun nasihat yang dibuat oleh seorang Menteri itu.

Sekian, saya sudahi dengan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Aionon binti Ariffin

4.58 ptg

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan dengan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini telah dibentangkan dengan begitu panjang lebar dengan ulasan-ulasan yang lojik dan alasan-alasan yang sangat konkrit oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang handsome. Beliau telah menjelaskan keperluan, kegunaan juga matlamat serta faedah untuk mengemaskinikan Akta di negara kita ini yang sebelum ini telah menimbulkan berbagai-bagai kepincangan, berbagai-bagai masalah dan akhirnya dalam satu peristiwa besar telah hampir mencetuskan satu perpecahan perpaduan dan satu unsur yang tidak sihat dalam satu usaha perebutan kuasa melalui undang-undang secara halus.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu undang-undang ini telah dipinda setelah difikirkan dengan semasak-masaknya dan setelah diperbincangkan dengan seadil-adilnya demi mengawasi semua pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, kelab-kelab yang ada di negara kita ini supaya sejajar dengan kehendak rakyat dan kehendak negara yang mengutamakan keadilan, ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan terhadap orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan Akta ini sesungguhnya telah dimimpikan lama oleh pertubuhan dan persatuan-persatuan di negara kita ini yang pernah menghadapi ancaman dari dalam, yang pernah menghadapi dugaan-dugaan yang tidak pernah terduga atau yang pernah diselewengkan oleh beberapa pemegang-pemegang jawatannya yang dengan cara tidak ketara atau secara pukul curi ataupun seperti lempar batu sembunyi tangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit peristiwa besar yang berlaku baru-baru ini kepada sebuah parti yang menjadi teras kepada politik negara iaitu parti yang bernama UMNO kerana kelonggaran dari undang-undang pertubuhan kita maka satu cetusan sejarah yang pahit telah berlaku dalam parti yang berkenaan semata-mata kerana emosi, semata-mata kerana ingin tamak kuasa dan semata-mata kerana ingin balas dendam dan semata-mata kerana ingin seperti kata pepatah biarlah putih tulang daripada putih mata. Ertinya satu pepatah yang membawa pengertian seseorang atau sekumpulan yang penuh dengan hasad dengki menggunakan undang-undang negara untuk memusnahkan kepada parti atau kumpulan yang tidak disenanginya atau yang telah berjaya memenangi hati rakyat di dalam kerja dan usahanya untuk kestabilan politik, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat umum dan meninggikan imej negara,

Saya rasa Akta ini agak terlewat dibuat. Namun begitu, biasanya bagi kita kalau tidak ada pengalaman maka kita tidak tahu di mana pahit dan manisnya sesuatu itu. Tetapi ianya seolah-olah merupakan seperti terantuk baru tengadah. Namun begitu masih belum

terlambat walaupun sedikit terlewat kerana satu cetusan sejarah pahit berlaku di negara kita tidak berapa lama yang lalu yang menimbulkan rasa curiga, sangsi, pilu, sedih dan juga menimbulkan beberapa pergeseran-pergeseran faham serta rasa marah di antara kumpulan-kumpulan rakyat negara kita ini di atas satu tindakan mahkamah yang dirasakan tidak adil, zalim dan mengandungi sifat unsur-unsur dendam kesumat yang merugikan banyak pihak,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dari Akta ini iaitu mengenai Fasal 5. Fasal 5 Rang Undang-undang bertujuan meminda subseksyen 3 seksyen 12 Akta untuk menjadikan menyalahi undang-undang hanyalah Cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar sahaja dan bukannya pertubuhan itu sendiri jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pendatar atau jika dalam hal sesuatu cawangan yang ditubuhkan sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta pertubuhan berdaftar itu tidak memohon kelulusan Pendaftar dalam tempoh yang telah dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen 3.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah satu perkara yang amat tidak logik dan zalim kiranya kesilapan yang dilakukan oleh cawangan-cawangan dari satu pertubuhan dan persatuan lebih-lebih lagi bagi pertubuhan dan persatuan yang besar mempunyai banyak cawangan dan anggotanya seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri kita tadi maka kerana sedikit kelalaian atau sama ada ianya disengajakan atau tidak disengajakan maka badan induknya turut terbeban satu malapetaka atau terkena bahangnya ataupun menerima akibat buruk daripada perbuatan mereka seperti contoh yang berlaku pada UMNO baru-baru ini.

Sebenarnya tentulah tidak dapat sebuah pertubuhan itu meneliti secara terperinci perkembangan kecilan yang berlaku di cawangan masing-masing. Jadi, ini seolah-olah kita seperti kata pepatah Melayu juga iaitu disebabkan nila setitik maka rosak susu sebelanga. Ertinya sesuatu perbuatan yang tidak adil. Maka setelah adanya undang-undang ini legalah keadaan itu kalau ada cawangan atau ada ranting dari satu-satu pertubuhan atau persatuan itu yang tidak mematuhi undang-undang pendaftaran pertubuhan maka tidaklah menjejaskan badan induknya yang perlu menaungi faedah-faedah yang lebih besar ataupun yang menanggung tanggungjawab yang lebih berat untuk persatuannya yang juga berlunaskan kepada kenegaraan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan dengan adanya pindaan ini semua pertubuhan, semua persatuan dalam negara kita mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan kita yang begitu adil dan nampak segala perkembangan yang tidak sihat mungkin berlaku atas tiadanya perlindungan atas perkara yang berkenaan itu. Sekarang ini kalau salah di cawangan atau di ranting merekalah sahaja yang menerima tekanan atau hukuman atau dibatalkan atau apa sahaja tindakan oleh Pendaftar Pertubuhan, badan induk boleh berjalan terus untuk mengembangkan fungsinya khasnya kalau parti politik bagi menstabilkan politik di negara kita.

Dan saya juga ingin menyentuh mengenai Seksyen baru 17B yang bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk satu perintah meletakkan segala

aset hutang dan liability sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 Akta Pertubuhan lama. Ini juga saya rasa satu keadilan kerana tentulah seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri, harta-harta pada pertubuhan yang telah dibatalkan atau dikenakan hukuman mempunyai masalah besar dalam hendak menyelenggarakan atau hendak menentukan harta-harta mereka lebih-lebih lagi kalau mereka menubuhkan satu pertubuhan atau persatuan yang baru kerana kalau dengan halangan-halangan begini harta-harta demikian tidak dapat hendak dipergunakan atau dicari jalan yang mudah untuk diselaraskan dan juga ditadbirkan semula.

Saya rasa ini satu lagi seksyen yang membawa kepada satu keadilan, kelancaran perjalanan parti politik khasnya dan pertubuhan serta persatuan amnya. Dan rasanya ini juga dialu-alukan sangat oleh semua pihak kerana persatuan dan pertubuhan hampir kesemuanya mempunyai harta-harta dan mempunyai berbagai-bagai tanggungjawab yang berkaitan dengan harta, umpamanya pekerja-pekerja atau juga menanggung beban segala urusan-urusan perjalanan pertubuhan atau persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 10(b) Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 49. Ini juga saya sendiri dan semua pihak dalam persatuan atau pertubuhan di Malaysia patut mengalu-alukan kerana memanglah tidak adil kalau seseorang yang sudah memegang satu jawatan di satu persatuan maka dengan tanpa kebenaran daripada pendaftar memegang pula satu jawatan di lain-lain pertubuhan. Ini juga boleh mengelakkan satu kemonopolian kepada jawatan-jawatan

kerana terdapat juga antara pemimpin atau pemegang jawatan dalam pertubuhan itu bukan semuanya betul belaka, ada juga mereka itu suka menyerap masuk di pertubuhan dan persatuan A, B, C, D, E, F, Kelab-kelab dan lain-lain semata-mata untuk mencari kepentingan diri atau untuk mendoktrinasikan sesuatu anasir-anasir yang tidak sihat atau untuk mengembangkan fahaman-fahamannya atau isme-ismenya yang boleh membawa kepada keruntuhan atau perpecahan atau sekurang-kurangnya kepada masalah dalam persatuan-persatuan.

Jadi ada baiknya kita kawal perkara-perkara ini dan kita jadikan mereka itu betul-betul bertanggungjawab dan tidak semata-mata menggunakan persatuan, pertubuhan atau kelab atau kumpulan untuk sesuatu tujuan kepentingan yang berdasarkan kepada peribadi, emosi atau monopoli.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain tiadalah saya sentuh kerana jelas dan nyata telah dijelaskan dan sesungguhnya membawa faedah besar kepada negara, persatuan, orang ramai, ahli-ahli dan juga kepada perjalanan pendaftaran dan undang-undang itu sendiri. Cuma saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang arif iaitu apakah Kelab Snooker ini merupakan sebuah kelab atau ianya tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pindaan) 1988 di bawah pendaftaran pertubuhan kerana kelab-kelab ini juga sudah memainkan peranan, yang saya faham, kalau hendak mengadakan permainan snooker kena minta permit, tetapi cara mana ianya diusahakan kerana ada pertaruhan kewangan dan ianya mula sudah menular di kampung-kampung seperti kata sahabat baik saya Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom mula sudah diperkenalkan kepada mereka yang belum faham tentang hal perjudian ringan, adakah ini juga terkawal di dalam pendaftaran pertubuhan?

Kedua, saya ingin bertanya adakah pertubuhan atau persatuan atau kumpulan yang tidak berdaftar boleh mengadakan pusat rawatan pemulihan mengenai masalah dadah atau mereka membuat apa-apa kegiatan yang merupakan untuk tujuan luarnya menolong bekas penagih dadah tetapi sebenarnya menolong bekas penagih dadah atau penagih dadah, ada dua makna yang berlainan, dengan tujuan di luarnya adalah satu amalan jariah dalam agama Islam atau sebagai satu perkhidmatan kebajikan tetapi di dalamnya mencari keuntungan dan juga kewangan untuk pentadbir berkenaan sahaja. Ini banyak berlaku dan banyak kita mendapat rungutan serta mendapat laporan-laporan.

Yang kedua, mengenai gerakan *tabligh-tabligh*. Apakah mereka ini tidak tertakluk di bawah pendaftaran pertubuhan kerana mereka juga bukan tergulung dari seorang malahan ada 10, 20, 30, 40, 50, 60 dan mereka itu bergerak pula dari rumah ke rumah, kampung ke kampung, surau ke surau dan kalau mereka membawa ajaran yang baik, yang soleh dan takwa kita alu-alukan sangat kerana itu adalah salah satu yang dituntut oleh agama Islam. Tetapi ada juga di antaranya itu yang membawa ajaran-ajaran negatif walaupun tidak penyelewengan.

Yang terakhir saya juga ingin mengulangi lagi saranan saya di dalam perbincangan atas Titah Ucapan Di-Raja iaitu Usul Menjunjung Kasih dua hari yang lalu mengenai al-Arqam. Sahabat saya sebentar tadi juga telah menyentuh perkara yang sama, nyatalah setiap orang nampaknya ingin benar supaya pihak KDN mengambil perhatian berat mengenai pengembangan, perjalanan dan juga usaha-usaha yang agak negatif, yang agak menyeleweng dari tarikat Islam yang sedang dijalankan dan diusahakan oleh al-Arqam ataupun Darul-Arqam yang diketuai oleh Syeikh Azahari kerana kita dapati Pusat Islam atau Jabatan Agama Islam sendiri merasa tidak senang dengan perkara diingini Kalau tidak masakan Yang Berhormat Menteri telah menyeru dengan ikhlas supaya al-Arqam ini berdaftar sebagai sebuah "society" atau pertubuhan, kerana dengan ini bolehkah Kerajaan kita mengawal tindak-tanduk ataupun tolong membantu membetulkan kekusutannya atau terus mengambil tindakan supaya penyelewengan yang berleluasa ini yang sedang merebak dapat disekat. Jangan pula nanti dalam negara kita timbul dua hala mengenai tarikat dan akidah terhadap Islam, barang dijumpai Allah perkara ini. Besok mungkin ada pula, ampun maaf saya katakan, ada pula dua cara keislaman di negara kita seperti berlaku dengan agama Katholik dan Protestan.

Jadi, barang di jauhan Allah, kita tidak mahu Islam ini dipecah-pecahkan oleh beberapa sunnah atau kepada beberapa tarikat atau akidah yang membawa kepada penyelewengan daripada Islam yang sebenar-benarnya. Nanti besok timbul pula lagi puak-puak Syiah unpamanya di negara ini, kalau perkara ini tidak dicegah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom telah kembali ke kerusinya dan dengan itu saya sekali lagi menyokong penuh kepada suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak dahulu. Dipersilakan.

5.23 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat ialah akibat kejadian di atas parti politik UMNO dan apa yang terjadi kepada UMNO adalah di bawah Seksyen 12 di mana ada dinyatakan kalau sesebuah pertubuhan menubuhkan cawangan tanpa mendapat kebenaran daripada Pendaftar, maka, pertubuhan itu juga dipersalahkan, dan oleh sebab itu UMNO mengikut Akta ini telah dikatakan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah dan Pendaftar pun telah membatalkan pendaftarannya.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali pembatalan itu dibuat di bawah Seksyen 2A atau 13 atau 14 atau 16. Sesuatu pertubuhan itu, pendaftarannya boleh dibatalkan di bawah Seksyen 2A, 13, 14, atau 16. Di bawah Seksyen 2A, kalau pertubuhan itu tidak menjalankan hal-hal mengikut Perlembagaan Malaysia misalnya dan lain-lain

Di bawah Seksyen 13, sesuatu pertubuhan itu dapat dibatalkan jika sekiranya pertubuhan itu dibatalkan oleh ahli-ahlinya sendiri, kalau ia telah diperintah oleh Menteri atau Pendaftar telah berpuas hati bahawa pertubuhan itu hendak menjalankan sesuatu yang tidak mengikut undang-undang (unlawful). Di bawah Seksyen 14, sesuatu pertubuhan kalau dia tidak menghantar dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Pendaftar pada sesuatu masa yang ditetapkan, maka pertubuhan itu boleh dibatalkan pendaftarannya. Tetapi di bawah Seksyen 14 juga mengikut perintah daripada Pendaftar itu, kalau perintah itu tidak diikuti, barangkali Pendaftar boleh membatalkannya. Yang penting itu bukan mandatory. Mengikut Seksyen 42, Pendaftar boleh, saya bacakan dalam bahasa Inggeris :

"A society or a branch thereof which has had its registration cancelled under Section 2A, 13, 14 or 16....."

Di bawah tiap-tiap satu itu adalah discretion bagi Pendaftar.

Maka di sini barangkali lebih baik kalau kita dapat meminda Akta ini supaya Pendaftar itu dapat menggunakan discretionnya seperti apa yang telah terjadi kepada UMNO. Di sini ada satu perkara teknikal sahaja di mana cawangan-cawangan yang didaftarkan tidak mendapat kebenaran daripada Pendaftar, maka sepatutnya kalau Pendaftar itu menggunakan discretionnya barangkali dia boleh restore UMNO sebagai satu pertubuhan yang sah. Tetapi oleh kerana ada Seksyen 12 sekarang, maka boleh jadi parti-parti yang lain juga

menghadapi masalah yang sama, maka pindaan ini patut dibuat supaya tidak ada apa-apa masalah lagi selepas ini kerana kalau Pendaftar itu cuba tmemeriksa tiap-tiap parti politik, barangkali tiap-tiap parti politik di Malaysia sekarang ada mempunyai cawangan-cawangan-nya yang barangkali didaftarkan tetapi tidak mendapat kebenaran dan tidak diketahui oleh pemimpin-pemimpin di peringkat nasional itu.

Maka pindaan kepada Seksyen 12 saya fikir adalah sangat sesuai dan selepas itu barangkali kalau sesuatu cawangan itu dikatakan tidak sah, pertubuhan itu masih tinggal sah. Oleh sebab itu, saya juga berasa sedikit bimbang dt atas pindaan kepada Seksyen 41 dalam Bill ini, Fasal 8.

Pada masa sekarang seksyen 41 itu hanya di dalam satu subseksyen sahaja. Maka dengan pindaan itu satu subseksyen tambahan dibuat. Seksyen 41 Akta itu adalah dipinda dengan menomborkan semula peruntukan-peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (i);

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan yang berikut:

(c) Sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan berlanggaran dengan subseksyen (1) seksyen 12, atau terus wujud berlanggaran dengan proviso kepada subseksyen (3) seksyen 12; dan

(c) dengan masukkan selepas subseksyen (1), subseksyen baru (2) seperti berikut:"

Ini yang menjadi kesangsian saya.

(2) Jika sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1), atau pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta ini, maka tiap-tiap cawangan pertubuhan itu hendaklah dengan serta merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal, dan jika cawangan sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) atau kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya disifatkan terbatal seperti yang disebut terdahulu di bawah subseksyen ini, maka tiap-tiap cawangan yang di bawah

cawangan itu hendaklah dengan serta merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendattar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal,"

Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya, tiap-tiap parti politik ada cawangan. Misalnya, ada cawangan negeri dan selepas cawangan negeri ada bahagian. Bahagian pula dikatakan sebagai cawangan pertubuhan itu. Maka jika sekiranya oleh sebab, dengan izin, negligence pemimpin di negeri itu untuk menghantar dokumen-dokumen tahunan kepada Pendaftar bagi sesuatu tahun, oleh kerana tiap-tiap cawangan dalam negeri itu dengan tersendiri telah membuat tiap-tiap tahun semua apa yang dikehendaki dan tiap-tiap cawangaa itu sepatutnya sah, tetapi mengikut pindaan ini jikalau negeri itu juga cawangan kepada pertubuhan nasional, negeri itu sudah salah, maka tiap-tiap cawangan di dalam negeri itu kalau mengikut interpretasi saya, betulpun dikatakan semuanya tidak sah dan boleh pendaftaranya dibatalkan. Kalau ini berlaku, akan juga menjadi masalah seperti yang dihadapi sekarang.

Kedua, ada satu pindaan juga di seksyen 10 pada Akta ibu, dalam bil ini Fasal 4. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan nokhtah di hujung subseksyen (1) dengan nokhtah bertindih dan memasukkan proviso yang berikut pada subseksyen itu. Saya bacakan:

"Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya, dan Pendaftar berpuashati bahawa maksud itu adalah aatu maksud yang menurut undang-undang, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang."

Ini saya tidak tahu apakah sebabnya untuk meminda untuk memasukkan subseksyen yang baru ini.

Dengan itu sekali lagi saya menyokong pindaan ini dan saya berharap bahawa peraturan dapat dibuat supaya Pendattar dapat menggunakan discretionnya pada masa yang akan datang supaya kalau sesuatu pertubuhan itu disalahkan oleh sesuatu perkara teknikal janganlah pendaftarannya itu dibatalkan. Pendaftaran itu sepatutnya memberikan peluang kepada pertubuhan atau cawangan yang berkenaan supaya membaiki sesuatu yang tidak betul. Tetapi mengikut Akta ini ia dan barangkali Pendaftar. itu celah juga menggunakan discretion tapi pada orang ramai discretion itu baik, biar pertubuhan itu sah, tetapi cawangan-cawangan yang tidak menerima kebenaran itu barangkali diberhentikan supaya pertubuhan seperti UMNO itu sah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin haji Maasom.

5.26 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membecikan sokongan dan membuat sedikit perbincangan mengenai dengan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 yang baru sebentar tadi dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Megat Junid,

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun hendak diperkatakan sekarang ini, Akta ini Akta meminda Akta Pertubuhan 1966 mesti diluluskan untuk menyelamatkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat satu tafsiran, mengikut hukum atau kehendak ajaran agama Islam, hukuman terbahagi kepada dua, satu hukuman akidah, satu hukum muamalat. Pada saya Pendaftar Pertubuhan sekarang ini yang ada, yang lepas, seolah-olah seperti ia menentukan satu hukum akidah. Hukum akidah ini kalau seseorang itu menyalahi rukun syahadatnya, maka tecabut syahadatnya, batal kelslamannya. ini yang berlaku sekarang ini. Satu cawangan tidak berdaftar, batal pertubuhan induk itu akidah. Sedangkan kalau hukum muamalat, puasa sebulan, batal satu hari, yang dua puluh sembilan hari sah. ini hukum muamalat. Sekarang kita kembali kepada hukum muamalat. Hukum muamalat ini hukum kehidupan sehari-hari. Saya katakan syabas kepada Kerajaan, kepada Kementerian yang berkenaan menyedari hakikat ini, kita kembali kepada penerapan nilai-nilai Islam.

Kerana selama ini di dalam masyarakat kita orang tahu apabila disebutkan sahaja kuasa di kampung-kampung, orang yang cerdik sedikit dia tidak kata Pendattar Pertubuhan dia kata Registrar of Society. Ini kuasa yang cukup hebat, boleh membatalkan, boleh meng-haram, boleh menutup, boleh merampas. Jadi rupanya selama ini kita terkena kepada undang-undang yang dicipta oleh Parlimen negara kita pada tahun 1966 di mana apabla berlaku sesuatu ke dalam negara kita, ke atas diri kita yang mencatatkan sejarah negara kita, sejarah perjuangan kita maka kita nampak keadaan ini. Namun demikian, walau apapun hendak dikatakan tadi hukum alam tetap berlaku. Jadi ini hukum alam. Hukum alam - hukum muamalat. Kita kena kembali, kita kena berpijak kepada bumi nyata bahawa manusia men-tadbir, Allah mentakdir.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pendengaran saya daripada pembentangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Megat Junid sebentar tau, beberapa perkara yang disebutkan iaitu berhubung dengan masalah-masalah undang-undang kerana saya bukan orang undang-undang, dan saya bukan orang yang dapat menyelami istilah-istilah di dalam undang-undang. Jadi, kadang-kadang kita bercakap istilah di luar, istilah di Dewan ini dengan istilah orang undang-undang. istilah mahkamah berlainan. Oleh itu, timbul pergeseran di antara pelulus, pencipta undang-undang dengan pihak kehakiman. Ini berlaku sudah kerana salah takrif, salah tafsir. Kita membuat undang-undang maksudnya begini tetapi apabila kita serah kepada tangan yang melaksanakan undang-undang jatuh hukum begini, jadi kita pun terasa begitu.

Jadi untuk membetulkan inilah maka musyawarah, Dewan Negara, Dewan Rakyat ini tempat yang menentukan, membuat undang-undang dalam negara kita ini maka pentafsiran sesuatu undang-undang itu hendaklah diberi fahaman yang sebenar-benarnya kepada pelaksana, kepada mereka yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan undang-undang ini apabila telah diwartakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen demi seksyen, ceraian demi ceraian telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Megat Junid tadi mengenai dengan pindaan di dalam Akta Pertubuhan 1966 ini. Justeru itu saya mengambil satu sikap dan saya mencari beberapa perkara yang ingin saya mendapat penjelasan yang lebih lanjut.

Misalnya, di dalam pindaan kepada Seksyen 12. Menurut peruntukan Seksyen 12(3) Akta sekarang ini, keseluruhan pertubuhan menjadi pertubuhan yang tidak sah, haram, menyalahi undang-undang kalau satu sahaja cawangannya yang ditubuhkan tadi tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, susah hendak sebut pertubuhan lain, saya sebut UMNO sahaja, senang. Misalnya, UMNO sekarang ini apabila pihak Pendaftar minta supaya cawangan-cawangan UMNO yang ada 8,200 cawangan itu membuat pendaftaran, sudah ada cawangan baru daftar. Hantar nama Ketua Cawangan, Naib Ketua Cawangan, Jawatankuasa; alamat begitu begini; baru kita dapat satu surat. Nombor Pendaftaran UMNO Cawangan Banting - Pendaftarannya 6322. Ertinya, sudah ada cawangan sejak 30 tahun.

Jadi kalau mengikut pindaan sekarang ini ertinya dapatkan lesen dulu bacu tubuh. Adakah begitu maksudnya. Dulu sudah tertubuh baru minta kebenaran, daftarkan semua. Sekarang ini ertinya pertubuhan terlebih dahulu mesti mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan boleh tubuhkan satu cawangan di Banting, kata Pendaftar Pertrubuhan - "Okay", boleh, baru tubuh. Adakah itu maksudnya?

Jadi kalau ini maksudnya adakah Pendattar Pertubuhan kata saya mampu hendak menyelesaikan masalah di dalam tempoh setahun ini, hendak menyelesaikan semua rayuan 8,000 cawangan, hendak keluarkan surat kebenaran baru hendak tubuh. Kemudian hendak tubuh cawangan-cawangan 8,000 ini bukan suatu perkara yang senang. Mungkin memakan masa satu dua tahun sedangkan orang Melayu yang menjadi ahli UMNO 1.4 juta tertunggu-tunggu. Ini masalahnya.

Jadi kalaulah definisi pindaan ini maknanya minta kelulusan baru tubuh. **Ini** ada satu masalah. Jadi, kalau boleh dibuat kelonggaran maknanya macam yang sudah, tubuh dulu baru hantar disenarai Jawatankuasa kepada Pendaftar baru hantar surat kepadanya, menyalahi undang-undang pula. Jadi haram lagi nanti.

Jadi, ini saya minta penjelasan yang terang bagaimana supaya apabila kita balik kawaaan masing-masing bolehlah kita ceritakan keadaan yang sebenarnya. Sebab sekarang ini macam-macam tafsiran boleh dibuat, macam-macam tafsiran orang boleh ungkapkan, sehingga menjadikan orangramai bingung.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian, perlu saya sebutkan dalam Dewan ini orang Melayu tidak gegapah, orang Melayu tidak sibuk, orang Melayu tidak punya satu perasaan yang lain kerana telah ditanam di dalam semangat orang Melayu sejak 40 tahun yang UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO. Dia tunggu sahaja. Picit lampu hijau,

jalan. Jalan Serentak. Insya Allah tidak ada apa-apa. Kalau dalam negeri lain sudah diharamkan hendak dibawa ke Parlimen hendak pinda Perlembagaan, senapang sudah meletup. Itu kalau dalam negara lain. Ini tengok sahaja cerita-cerita, berita-berita politik dalam negara-negara lain, Tetapi negara kita aman, tidak ada apa-apa kerana Kerajaan kita masih kuat, masih kukuh dapat menguasai keadaan. Salah satu daripada cara Kerajaan menguasai keadaan ini bawa dulu Rang Undang-undang ini ke Dewan Rakyat, ke Dewan Negara hendaklah diluluskan baru dilaksanakan. "Tasammuh", lapang dada, toleransi masyarakat kita. Jadi, kalau ini boleh kita teruskan kita akan bertambah baik lagi.

Tuan Yang di-pertua, satu perkara lagi ialah mengenai dengan apa yang ingin saya sarankan di dalam pindaan ini. Di sini ada disebut pindaan kepada Seksyen 10 menghendaki kepada sesiapa yang memohon untuk membuat pemeriksaan atau mendapatkan salinan dokumen-dokumen yang telah difailkan dengan Pendaftar supaya menyatakan maksud permintaannya. ertinya, masih boleh dibongkar kesah ini. Ini fahaman saya.

Jadi sekarang UMNO lama, UMNO yang 42 tahun itu sudah tidak disahkan, hendak disebut haram pun saya sedih sangat. UMNO diharamkan itu saya sedih sangat hendak menitik air mata. Tidak disahkan oleh pendapat Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi masih ada lagi hendak diungkit-ungkit.

Jadi, saya cadangkan supaya di dalam pindaan ini di adakan satu peruntukan baru sama ada ada atau tidak, saya tidak tahu, sebab saya kata saya bukan peguam, saya tidak tahu. Kalau sudah ada Alhamdulillah. Kalau tidak ada, saya hendak bertanya supaya kalau boleh dibuat satu peruntukan baru iaitu maria-mana pertubuhan yang didapati sudah batal pendaftarannya oleh Pendaftar habis ceritanya setakat itu, tidak boleh hendak dibawa rayu ke mana-mana, hendak diungkit-ungkit tidak boleh. Yang boleh hanya harta-harta pusakanya sahaja. Ini kalau boleh hendak dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahlinya ataupun hendak diserahkan kepada orang baru yang mengambil alih, yang membuat pertubuhan baru macam Persatuan India Semenyah itu, iaitu pusakanya. Kalau harta UMNO ini hendak diserahkan kepada badan yang baru. Yang kesah badan induk itu stop, berhenti di situ, sudah didapati haram, sudah didapati tidak sah tidak boleh walau siapa pun hendak ungkit-ungkit balik. Hendak tanya-tanya balik.

Kalau itu barangkali kita akan dapat menyelamatkan lagi, kalau sudah ada peruntukan itu saya meucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan, kepada Kementerian yang berkenaan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, terutama sekali yang menyedari inilah gejala-gejala yang selama ini kita tldak sedar dan sekarang ini terkena kepada batang hidung kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Tuan Azumu Haji Tak telah menyebutkan pertubuhan-pertubuhan yang kaya-raya yang berduit, sama ada berdaftar atau tidak. Sekarang saya ingin hendak mengaju mengenai pertubuhan ini, kalau tidak salah saya lagi sekali saya minta penjelasan benarkah dalam negara kita ini ada satu peruntukan di dalam undang-undang apabila ada 7 orang berkumpul ia wajib berdaftar. Kalau dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, duduk berlima berborak-borak pun tidak boleh. Kalau 7 orang berkumpul mesti berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (Registrar of Society). Kalau betul bagaimanakah dengan pertubuhan yang dianggotai oleh beribu orang yang tidak berdaftar? Malah dia mencabar Kerajaan seperti mana yang disebutkan oleh Yaag Berhormat Senator Ainon Ariffin tadi, al-Arqam.

Saya mula-mulanya pun saya seronok juga kerana badan itu bagus, ada jual kerepek, jual mee, jual tauhu, buat seminar, buat sekolah, buat TADIKA, tetapi apabila ada satu usaha cuba untuk menerangkan adakah pertubuhan ini berdattar atau tidak, pihak Kerajaan menjawab tidak berdaftar. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya kenyataan Yang Berhormat Dato' Megat Junid juga menyatakan bahawa pertubuhan ini belum berdaftar, macam mana? Jadi, saya minta penjelasan. Kalau dalam istilah yang lain kalau satu pertubuhan yang dianggotai begitu ramai, terang-terang hendak dikatakan kongsi

gelap, tidak boleh, sebab dia terang-terang. Jadi, ini kongsi teranglah, bukan kongsi gelap. Jadi, geng kongsi terang ini sama ada pihak Kerajaan memikirkan biarlah begitu sahaja, tidak apa kerana kita boleh kawal. Tidak apalah, saya pun tidak apalah.

Tetapi kalau Kerajaan kata tidak boleh kawal, sebab cawangan-cawangan ini pun hendak katakan sama banyak dengan cawangan UMNO tidak adalah, cawangan UMNO 8,000 lebih. Cawangan dia ini bolehlah katakan tiap-tiap negeri ada 4-5 buah cawangan adakah terkawal atau tidak? Sebab-sebab cerita-cerita yang telah dibangkitkan yang sudah-sudah mengenai kisah-kisah yang tersembunyi di sebalik itu macam-macam cerita, macam-macam peristiwa yang berlaku. Mungkin gerakannya, amalannya tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan negara, tetapi di setengah-setengah tempat dia menggugat dan tidak mengamankan ketenteraman jiwa. Keselamatan negara tidak terancam, tetapi jiwa orang terancam.

Di Kuala Langat sudah timbul 2 perkampungan muslimin. Ini contoh, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apabila orang datang,"Assalam-mualaikum tuan" , "Mualaikum-mussalam". Di mana perkampungan muslimin? Yang Kebun Baru Batu 10 ini bukan kampung orang Islamkah? Masjid ada satu, surau ada 7, dia tidak kata perkampungan muslimin, ada satu perkampungan baru yang usang sini buat surau sendiri. Perkara ini sudah berpanjangan sampai kepada S.U.K sampai kepada Pejabat Agama Negeri.

Di Kampung 'Bondry" Bukit Changgang antara sempadan Kuala Langat - Sepang, satu perkampungan muslimin lagi. Ini yang saya katakan tidak mententeramkan jiwa dan perasaan setempat. Bagi negara tidak ada apa-apa, bagi negara tidak ada masalah. Sebab saya percaya kecekapan pihak Polis (S.B.) di Kuala Langat itu dapat menguasai masalah ini. Tetapi ketenteraman jiwa orang ramai itu

tidak dapat hendak ditenteramkan dengan timbulnya perkampungan muslimin misalnya.

Jadi, sudah berpecah, sudah ada dua kelompok. Ditambah lagi nanti dengan satu gerakan yang lain. Saya sudah pernah timbulkan dengan lebih 7 orang yang mengikuti kumpulan ini, satu ajaran agama yang dibawa oleh guru yang datang dari seberang yang sudah menimbulkan polemik di kampung, dia telah menghalalkan sup ekor, sup tulang, bukan sup ekor kambing, kalau sup ekor kambing boleh juga memanaskan badan, sup buntut celeng, boleh kata dia. Ini berlaku di kampung itu. Sudah berpecah. Saya pernah sebutkan di dalam Dewan ini tetapi tidak ada tindakan apa-apa. Di Kampung Endah hampir berlaku pertempuran di antara 200 - 300 orang penduduk Kampung Endah itu dengan berpuluh-puluh orang pengikut kumpulan ini. Saya rasa pihak polis di sana pernah diadakan dialog di antara puak orang ramai (puak penduduk kampung) dengan kumpulan ini. Ketua Polis Daerah dan Kadi telah datang, tidak dapat keputusan apa-apa. Mereka malah mencabar, terus mencabar dan sekarang berterusan. Mereka mengumpul yuran untuk membina bangunan sendiri. Ini juga pertubuhan, ada pengikutnya, ertinya ada pertubuhan. Jadi, ini sepatutnya kita awasi supaya keadaan ini tidak merebak lebih jauh.

Subversif Komunis, ini pun saya tidak tahun. Saya cuma baca sejarah, baca cerita sedikit-sedikit, batalion ataupun sayap yang kesepuluh Komunis (PKM) yang dianggotai, katanya dulu, oleh ahli-ahli daripada orang-orang Melayu yang diketuai oleh Abdullah C.D. Abdullah C.D. itu sekarang entah di mana. Dulu kita dengar ada papery masuk ke kampung-kampung di Hulu Kelantan, di sempadan negara dan baru-baru ini saya dengar kenyataan dari Ketua Polis Negara, Tan

Sri Hanif di Televisyen bercakap sendiri mengatakan gerakan komunis sekarang ini ada dekat Kuala Lumpur, ada di Taman Templer, ada di Ulu Langat. Makna Ulu Langat ini bukan Ulu Langat, Kajang tempat sate sana, tetapi Ulu Langat di Bukit Belacan di Belakang Ampang. Kalau yang di sempadan itu masih ada lagi, yang di Temerloh, di Kuala Lipis, di Bentong, di Rauh masih ada lagi dan tahu pula jumlahnya, katanya 56 orang. Jadi gerakan ini pula ada lagi anasir-anasir subversif yang masuk di dalam kumpulan-kumpulan, kemudian timbul satu gerakan mengkristianisasikan orang Melayu seperti yang timbul di Kuala Lumpur ini, paderi-paderi pakai songkok, pakai baju kurung, pakai kain pelikat, kitab biblenya diletakkan di rehal macam kita hendak bertadarus dalam bulan puasa. Ini sudah keluar dalam kertas putih.

Kalau ia pertubuhan adakah pertubuhan ini berdaftar atau tidak. Kalau dia ada pengikutnya pula, adakah pertubuhan itu atau cawangannya berdaftar atau tidak? Kalau tidak, haramkan pertubuhan itu. Gereja itu boleh diharamkan. Itu maksud saya Tuan Yang di-Pertua. Paderi sudah tahu, sebagai pengembangnya, kemudian dia ada pula cawangan. Cawangan itu belum berdaftar, bagaimana dengan gereja ini, gereja itu patut diharamkan. Jadi melihat kepada ini semualah kita pinda ini, kerana nasib yang ditimpa oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Daripada situ kita belajar dan mengambil iktibar untuk menyelamatkan negara, menyelamatkan rakyat, menyelamatkan kehidupaa kita di masa yang akan datang untuk berterusan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu pindaan ini lagi disebutkan, maknanya dalam masa yang ditentukan dalam masa 30 hari boleh meminta kebenaran untuk memegang jawatan. Ini saya tidak

faham. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Megat Junid. Maknanya apabila bertubuhan yang besar itu telah didapati tidak sah, maka orang-orang yang di dalamnya tidak boleh memegang jawatan di dalam apa-apa pertubuhan sekalipun. Ini pertubuhan yang macam ini? Kemudian dalam tempoh 30 hari dia boleh minta kebenaran untuk boleh memegang apa-apa jawatan. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Dato' Megat Junid bercakap memberi penjelasan kepada saya, jangan cakap bahasa undang-undang, Yang Berhormat Dato' Megat, cakap cara kita senang macam mana. Misalnya, orang UMNO yang lama macam saya ini Ketua Cawangan UMNO lama sudah tidak sah, saya tidak boleh pegang jawatan apa-apa. Dalam tempoh 30 hari saya boleh minta kebenaran pegang balik Ketua Cawangan UMNO. Kalau Yang Berhormat Dato' Megat cakap macam itu, saya senang.

Ini kerana Dato' Megat pun bercakap secara undang-undang jadi saya pun susah hendak mengikuti, hendak faham. Pindaan kepada seksyen ini juga memperuntukkan tempoh masa 30 hari bagi pemegang jawatan pertubuhan yang terbatal pendaftarannya untuk meminta kebenaran pendaftar bagi terus memegang jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan lain. Kok pertubuhan lain, barangkali kok pertubuhan yang terbatal itu.

Ini yang menjadi masalahnya. Jadi, adakah di dalam negara kita satu orang tidak boleh pegang dua jawatan? Pertubuhan ini bukan parti, kalau parti politik, saya UMNO, saya tidak boleh pegang jawatan dalam parti lain, tetapi ini pertubuhan umum.

Jadi kalau pertubuhan saya ini batal, UMNO ini batal, sedangkan saya menjadi Pengerusi Badan Khairat Kematian yang sah berdaftar, adakah jawatan saya dalam Badan Khairat Kematian itu juga batal, dalam tempoh 30 hari saya minta kebenaran baru saya boleh pegang jawatan Pengerusi Khairat Kematian, adakah itu maksudnya? Kalau maksudnya dalam tempoh 30 hari pemegang jawatan pertubuhan yang terbatal pendaftarannya untuk meminta kebenaran Pendaftar bagi terus memegang jawatan di dalam pertubuhan yang baru ditubuhkan bagi menggantikan yang batal, itu saya faham. Ini saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Megat Junid di mana definisinya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya sampaikan di dalam perbahasan meminda Akta Pertubuhan, 1966 ini. Saya percaya kepentingan, keperluan kita memerlukan pindaan ini dibuat untuk keselamatan, untuk keperluan negara umum. Biarlah sejarah yang telah menentukan bahawa Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang menjadi mangsa kepada Akta ini, tetapi ahli-ahli UMNO dengan jujur, orang-orang UMNO dengan jujur membawa pindaan ini dan menyokong pindaan ini untuk menyelamatkan kesemua pertubuhan. Kalau UMNO hendak main sengkling tangan boleh, UMNO Baru pun sudah ditubuhkan, sudah sah, kita korek cari parti-parti lain punya cawangan yang tidak berdaftar, macam mana? Banyak yang kita tahu tetapi kerana tidak dibawa ke mahkamah, kerana tidak ada yang tergesa-gesa, dalam al-Quran ada mengatakan: Allah taala jadikan manusia ini, anak

Adam ini, tergesa-gesa, terburu-buru. Sekarang ini yang terburu-buru orang UMNO, apa Kendak buat kan, kenalah pada batang- tubuh sendiri. Islam hancur kerana orang Islam, UMNO hancur kerana orang UMNO. Tetapi UMNO ini baik hati, pemimpin yang memimpin- Kerajaan hari ini ialah pimpinan UMNO yang baik hati untuk hendak menyelamatkan pertubuhan-pertubuhan yang lain , jadi pertubuhan-pertubuhan yang lain mesti berterima kasih kepada pimpinan UMNO Baru sekarang ini.

Sekian , terima kasih dan saya menyokong akta untuk meminda Akta Pertubuhan, 1966. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Nam, dipersilakan .

5.53 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang saya bangun -untuk turut sama mengambil bahagian dalam membahas dan memberi sokongan terhadap suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dan Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, segala pindaan-pindaan ke atas Akta Pertubuhan ini perlu dilakukan dan disokong oleh sanua pihak, kerana peruntukari untuk tambahan-tambahan ini wajar sekali diubahsuai berikutan dengan pengharaman atau tidak sahnya pertubuhan UMNO yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4hb Februari yang lalu.

Pindaan ini pada zahirnya untuk memperkuat keahlian atau kedudukan UMNO Baru tetapi sebenarnya tidak, Kerajaan atau parti pemerintah adalah semata-mata sebagai menyahut seruan suara pertubuhan-pertubuhan dan parti-parti politik sama ada dari ahli parti komponen Barisan Nasional dan juga dari parti Pembangkang yang memikirkan logik, mesti dan wajib diatasi segera bagi kestabilan politik, kesejahteraan dan keamanan. Saya juga percaya pindaan-pindaan ini akan diterima dengan sebaik mungkin oleh kebanyakan rakyat kerana mereka ingin melihat UMNO kembali pulih dan terus memerintah negara ini sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak hampir 31 tahun UMNO dengan bantuan rakan-rakannya dari MCA dan MIC pada satu ketika dan sekarang pula disokong oleh berbagai-bagai parti komponen Barisan Nasional lagi dari Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung telah menadbirkan negara kita ini berterusan dan saya berharap kita akan dapat berbuat demikian berterusan hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua ahli-ahli pertubuhan dan parti politik di negara ini akan senang hati dan berasa tidak bimbang dengan pindaan sebahagian Fasal 5 Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan, 1966 untuk menjadi salah satu dari segi undang-undang, cawangan sesuatu pertubuhan yang berdaftar sahaja dan bukannya pertubuhan itu sendiri, jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan. Dengan meminda Seksyen 12(3) itu supaya hanya cawangan atau cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, satu pertubuhan berdaftar dan bukannya keseluruhan pertubuhan akan menjadi tidak sah adalah munasabah dan sebaiknya kerana tidak ada sebab kelemahan dan kecuaiannya sesuatu cawangan

pertubuhan itu akibatnya untuk menghukum seluruh pertubuhan apabila kesalahan itu hanya tertumpu kepada satu atau beberapa cawangan pertubuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan ini telah menjadi tidak dapat dielakkan lagi dari persepsi Kerajaan dan reaction kepada apa yang telah berlaku hasil daripada pergolakan parti siasah tempatan sepertimana kita sedia maklum pada akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga yakin pindaan-pindaan ini tidak akan berlaku kalau tidak ada apa yang telah berlaku, hal ini tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Kalau kita tidak mahu pindaan-pindaan kepada Perlembagaan dan juga Akta Pertubuhan khususnya dibuat, maka kita haruslah pula berwaspada jangan membuat sesuatu yang boleh menimbulkan timbal-balas yang boleh ada reaksi di satu pihak yang lain iaitu santa-sama hendak hidup, berwaspada dan memelihara kepekaan dan sensitiviti masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan kita tidak mengabaikan tugasnya dalam menjaga kesejahteraan rakyat, kemakmuran mereka, ketenteraman negara, kelicinan jentera Kerajaan dan keteguhan siasah haruslah dipelihara. Maka Kerajaan telah dan mesti bertindak dengan berani setiap ketika yang perlu dalam masa itu pun kita haruslah pula sensitif kepada kehendak-kehendak majoriti dan bersikap timbangrasa seboleh-bolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin bertanya atau menyentuh sebagaimana yang disentuh oleh rakan saya Senator Ainon Ariffin iaitu berkenaan dengan "snooker". Saya ingin tahu adakah benda ini di bawah kuasa KDN atau sebaliknya, sebab saya tengok banyak di tempat-tempat sebagaimana yang kita maklum di tempat-tempat, di ceruk-ceruk rantau di Wilayah dan di Selangor dan kita

dapati banyak kelab-kelab ini diteruskan. Tetapi saya tidak tahu sama ada kalau di Wilayah saya tengok pada hari ini budak-budak yang berumur antara 18-21 tahun di larang tetapi di Selangor saya tidak pasti, adakah undang-undang ini di antara satu wilayah dengan negeri berlainan dan saya harap penubuhan kelab-kelab ini patut diawasi kerana kita dapati banyak menjadi masalah kepada budak-budak sekolah ponteng akibat dari kelab-kelab ini. Harap kalau hendak ditubuhkan kelab ini patutlah diawasi di mana pula yang agak sesuai .

Jadi, dengan kata-kata itu, sekianlah sahaja dan akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini diterima.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjawab. Dipersilakan.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator-senator yang telah bercakap dan hampir kesemuanya menyokong dan telah memberi pandangan-pandangan kepada cadangan pindaan Akta Pertubuhan ini.

Memang benarlah bahawa tujuan Kerajaan meminda Akta Pertubuhan ini adalah untuk memperlengkapkan dan memperkemaskan lagi kuatkuasa Akta tersebut, juga untuk menambahkan lagi kelicinan perjalanan Akta tersebut, dan berharap dengari pindaan-pindaan ini maka perjalanan pertubuhan-pertubuhan yang ada dalam negara kita ini akan dapat dikemaskini dan berjalan dengan sebaik-baiknya.

Saya akan cuba menyentuh sata demi satu daripada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Yang pertama iaitu Senator Datuk Haji Nasir bin Haji Manap dari Melaka, telahpun menyebut tentang penalti di bawah Seksyen 49 Akta Pertubuhan. Untuk perhatian Yang Berhormat peruntukan penalti bagi kesalahan yang ditakukan bawah Seksyen 49 telahpun sedia ada. Di bawah Seksyen 49 sekarang iaitu seseorang jika didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen ini bolehlah dihukum penjara 5 tahun atau denda \$10,000 atau kedua-duanya.

Masalah Pejabat Pendaftaran Negeri Melaka yang berkongsi dengan Negeri Sembilan, perlulah saya katakan di sini, bahawa Kementerian saya sedangpun mengkaji untuk menubuhkan Pejabat Pendaftaran di Negeri Sembilan.

Menyentuh mengenai proses pembukaan cawangan yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, penubuhan cawangan adalah tertakluk Seksyen 12(1) Akta Pertubuhan iaitu:

"Pertubuhan induk dikehendaki mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftaran Pertubuhan dan pertubuhan berkenaan diberi masa 3 bulan di bawah Seksyen 12(6) Akta untuk menubuhkan cawangan yang berkenaan."

Masalah yang akan timbul dalam UMNO yang ditakuti oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, insya Allah, ini dapatlah kita jalankan dengan sebaik-baiknya, dengan secepat-cepatnya kerana seperti mana Yang Berhormat kata bahawa orang Melayu ini adalah satu masyarakat yang patuh dan akan menunggu apa sahaja, kerana UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO dan dengan kerjasama ini, insya Allah, janganlah dikhuatirkan, kita akan menjalankan segala daya usaha untuk memperberes dan mempercepatkan penubuhan UMNO Baru ini.

Yang Berhormat Tuan Azumu bin Tak daripada Ipoh telah meminda masalah dokumen yang difailkan kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dikenakan 'fee'. Inginlah saya nyatakan di bawah peraturan Pertubuhan 1984 yang bekuatkuasa sekarang, semua urusan di bawah Akta Dokumen Pertubuhan 1966 termasuklah salinan-salinan dikenakan bayaran 'fee' yang telah ditetapkan, semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk stem bukan dalam bentuk kewangan.

Sebelum saya lupa, saya hendak tekankan sedikit tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom iaitu Sekyen 49 mengenai tempoh '30 hari', Ini tidak terlibat bagi yang memegang dalam parti politik dikecualikan, tetapi kalau sekiranya memegang pertubuhan yang di luar dari parti politik, inilah yang hendak mendapat kebenaran '30 hari' daripada Pendaftar Pertubuhan untuk memegang pertubuhan-pertubuhan lain. Tetapi jikalau kita memegang Jawatankuasa dalam badan-badan politik, ia tidak termasuk dalam '30 hari, ini. Jadi janganlah Yang Berhormat susah hati kalau Yang Berhormat memegang jawatan dalam UMNO lama sekarang memegang berpuluh-puluh jawatan lain, tidaklah payah hendak memohon kebenaran dalam '30 hari' itu, tetapi kalau pertubuhan itu pertubuhan di luar daripada parti politik yang diharamkan, itulah kebenaran mesti dipohon.

Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby dari Pulau Pinang menyentuh mengenai 'cyclostyle' dan sebagainya. Yang sebenarnya tidak ada cyclostyle, semua dibuat dalam permohonan yang bercetak, tidak ada timbullah cyclostyle. Saya pun tidak tahu kerana saya sendiri sudah melawat ke Ibu Pejabat Pendaftaran ini saya tidak ada tengok borang yang cyclostyle, semuanya dicetak dengan elok dengan warna-warna yang tertentu. Jadi sayapun merasa hairanlah bagaimana borang di Pejabat Pendaftaran Pulau Pinang ini hanya dicyclostyle, sampai tidak nampak ayat-ayatnya. Saya ingat kalau ada tolong Yang Berhormat hantar sebagai contoh, kerana saya tidak mahulah dikelabukan oleh Ibu Pejabat saya, kerana saya telah lihat semua sendiri.

Mengenai kelab-kelab dibenarkan mengadakan perkhidmatan perjudian. Semua pertubuhan yang berdattar hendaklah ditadbirkan berdasarkan Undang-undang Berdaftaranya sahaja. Adalah tidak benar kelab-kelab berdaftar dengan mudah boleh menjalankan aktiviti perjudian. Jika ada kelab ini terlibat dalam aktiviti perjudian, tolonglah beri pengetahuan kerana tiap-tiap pertubuhan yang ditubuhkan mempunyai Undang-undang Tubuh dan kita akan mendaftar pertubuhan itu mengikut Undang-undang Tubuh itu. Jika sekiranya terkeluar daripada Undang-undang Tubuh, maka kalau sekiranya tidak dibuat pihak Pendaftar akan mengambil tindakan tentang hal tersebut.

Menyentuh 'snooker' banyak sangat telah dikatakan, adakah ia di bawah pendaftaran. Untuk menubuhkan Pusat-pusat Snooker ini terpulang kepada Majlis Bandaran, Dewan Bandaraya, Majlis Daerah kerana ia bukan merupakan satu Badan Pertubuhan. Kerana Badan Pertubuhan untuk perhatian Ahli Yang Berhormat adalah di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 yang berkuatkuasa sekarang, semua Pertubuhan yang mempunyai 7 orang ahli atau lebih yang diuruskan berasaskan kepada keahlian serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu hendaklah didaftarkan di bawah Seksyen 7 Akta. Sekiranya Kelab-kelab Snooker dan Pusat-pusat Rawatan Dadah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin itu mempunyai ciri-ciri di atas, ia hendaklah didaftar di bawah Akta ini, tetapi jikalau sekiranya tidak sedemikian maka ia tidaklah di bawah Akta Pertubuhan.

Sungguhpun Yang Berhormat Datuk Haji Nasir telah menyentuh banyak perkara tadi, saya telahpun sebutkan perkara-perkara yang penting tadi. Kepada sahabat saya Tuan Azumu bin Tak dari Ipoh juga telah bercakap tentang bayaran dan juga untuk mengkaji Pejabat Pendaftaran Pertubuhan di Ipoh, daripada hanya di sebuah kedai hendaklah mendirikan bangunan pejabat, juga akan diambil perhatian dan beliau memohon supaya semua Perlembagaan Pertubuhan yang wujud sebelum merdeka dikaji semula, ini juga akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Saya tertarik hati dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin. Memang benar bahawa apa yang kita lakukan hari ini kerana akibat sesuatu peristiwa. Tetapi memang benar sudah terantuk baru hendak tengadah atau boleh kita kata sudah terlambat. Ini adalah kerana kita tidak sekali-kali merasakan bahawa ada golongan orang Melayu sanggup marahkan nyamuk, bakar kelarabunya sendiri; sanggup marahkan pacat, ladangnya dibakar, sanggup marah lintah, racun semua paya supaya semua ikan mati. Kita tidak sangka ada golongan Melayu yang sudah sanggup berbuat demikian dalam UMNO. Kerana kita menyangkakan semua orang-orang UMNO meletakkan harga UMNO itu. lebih tinggi daripada harga dirinya, tetapi rupanya berlaku sebaliknya kerana meletakkan harga diri lebih penting dari UMNO. Di atas sikap inilah maka pindaan ini terpaksa kita buat kerana sudah ada golongan-golongan yang sedemikian wujud dalam masyarakat kita.

Saya juga tertarik hati dengan Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak yang telahpun menerangkan bagaimanapun perlu pindaan mesti dibuat terutama seksyen 12. Ini berdasarkan atas apa yang telah berlaku dalam UMNO dan kemungkinan ia juga akan berlaku dalam parti-parti lain. Tentang masalah seksyen 41 yang bersangkutan-paut dengan subseksyen (1) dan (2). Ini juga saya minta pihak Pendaftaran akan memberi perhatian dari segi pelaksanaannya terutama jika sekiranya negeri dianggap tidak sah, adakah semua cawangan-cawangan dalam negeri itu tidak sah. Ini juga dari segi pelaksanaannya akan dititikberatkan.

Terlalu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan soal Darul-Arqam dan sebagainya. Perkara ini cukup sukar untuk saya jawab. Jawab mati emak, tidak jawab mati ayah. Tetapi masalah perkara ini terlalu sensitif, kerana badan-badan agama ini adalah dianggap sebagai badan dakwah. Jika sekiranya badan dakwah itu tidak mempunyai ciri-ciri keahlian sepertimana yang saya katakan tadi dalam seksyen 7, sukarlah untuk kita untuk mendaftar. Dan kalau kita lihat bahawa badan-badan dakwah adalah di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Jadi, itu sebabnya kita mempunyai cukup banyak masalah. Kalau kita bercakap fasal Darul-Arqam sahaja, maka timbullah Tabligh, timbullah bermacam-macam lagi badan agama. Timbul pula badan agama yang di luar dari Islam yang mana kuil-kuil yang kecil-kecil dipakai pokok dan sebagainya. Ini yang saya katakan cukup sensitif. Sungguhpun memang menjadi percakapan ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, berilah kesempatan kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri juga Jabatan Agama Negeri-negeri duduk remaja untuk membincangkan masalah ini dan biarlah daripada sini dapat kita menyelesaikan masalah yang begitu rumit dan sensitif ini. Jadi, tidak usahlah kita besar-besarkan perkara ini. Memang dalam pengetahuan kita semua tentang masalah-masalah ini, tetapi perkara ini cukup sensitif untuk diterangkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana terlalu banyak yang diperkatakan adalah bertindih lapis antara satu saraa lain, dari banyak diulang-ulang, dengan sebab itu mana saya yang tidak sentuh terutama daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Haji Hassan Nam. Saya hendak sebut Yang Berhormat "Tuan Haji" ini kerana mungkin berkat, esok bolehlah dia sama-sama dengan kita. Dan juga

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Pulau Pinang, terutama Yang Berhormat Senator Haji Shahrom Maasom, yang telah bercakap panjang lebar tentang hal ini dan menyokong, pihak saya dan pihak Kementerian, dan juga pihak pegawai KemCeriaan Dalara Negeri mengucapkan ribuan terima kasih. Segala cadangan akan diarahkan perhatian. Yang tidak dijawab juga akan dititikberatkan kerana maklum sahajalah saya terpaksa menulis semua butir-butir yang telah diperkatakan. Mana yang dapat saya jawab, saya jawab; mana yang saya tidak dapat jawab, saya bawa balik untuk saya bincangkan dengan pegawai-pegawai. Dan lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu perkara, adakah di dalam undang-undang Pertubuhan tadi sudah ada peruntukan yang tertentu, kalau satu pertubuhan telah didapati tidak sah, makna cerita itu sudah habis, tidak boleh hendak dibawa kemana-mana, diungkit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dalam seksyen 10 itu, memohon untuk membuat pemeriksaan atau mendapatkan salinan dokumen-dokumen yang telah difailkan dengan pendaftar supaya menyatakan maksud permintaan itu. Pendaftar akan membenarkan permohonan itu jika ia berpuas hati bahawa maksud permohonan itu adalah menurut undang-undang yang ada. Jadi, kalau sekiranya bercanggah daripada undang-undang yang ada, maka Pendaftar boleh menolak. Jadi, kalau sekiranya untuk keperluan undang-undang negara untuk kebaikan undang-undang kita, maka ini diberi kebenaran. Tetapi jika sekiranya tidak, maka Pendaftar berhak untuk menolak permohonannya.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$315,955,510 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada

kepada Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1987 adalah berjumlah \$441,301,620. Tetapi sebanyak \$315,955,510 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$125,345,110 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan-tambahan besar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

1. Sebanyak \$100.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai pemberian bagi membiayai 50% kos pengurusan Jabatan-jabatan Negeri di bawah senarai bersama Perlembagaan, khususnya Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 5hb Mac, 1987.
2. Sebanyak \$47 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah ini sebanyak \$38.3 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastuktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar dan sebanyak \$8.7 juta untuk menyelaraskan peruntukan program-program bagi bahagian Wilayah Persekutuan, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987.
3. Sebanyak \$36 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. Dari jumlah ini sebanyak \$23 juta diperuntukkan kepada Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan yang telah diluluskan oleh

Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 10hb November, 1987 dan pelaksanaan Tabung ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1987. Sebanyak \$10 juta diperuntukkan kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 15hb Oktober, 1987 dan sebanyak \$3 juta diperuntukkan kepada Kumpulan wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 15hb Oktober, 1987.

4. Sebanyak \$ 34 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.57 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dari jumlah tersebut sebanyak \$27.4 juta untuk menyelaraskan peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mulai 1hb Julai, 1987 dan sebanyak \$6.6 juta untuk membiayai perbelanjaan bagi mengadakan pertandingan keindahan rumah-rumah kampung dan keindahan kampung di peringkat daerah dan negeri untuk tahun 1987.
5. Sebanyak \$31.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menampung kekurangan peruntukan biasiswa kepada pelajar-pelajar di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
6. Sebanyak \$28.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.59 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Jumlah ini termasuk sebanyak \$23.4 juta untuk menyelaraskan peruntukan

Perbelanjaan Mengurus bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia yang telah dipindahkan di bawah Kementerian baru ini dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mulai 20hb Mei, 1987 dan sebanyak \$2,3 juta untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi program kebudayaan yang telah dipindahkan di bawah Kementerian baru ini dari Kementerian Belia dan Sukan mulai 20hb Mei, 1987.

7. Sebanyak \$21.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 Polis Di Raja Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran gaji dan elaun-elaun kepada anggota-anggota pangkat rendah polis dan kakitangan awam di dalam Pasukan Polis berikutan dari pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1986 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1986.
8. Sebanyak \$9.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian. Dari jumlah ini sebanyak \$8.7 juta untuk menyelaras peruntukan Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pertanian dari Kementerian Perusahaan Awam mulai 1hb Julai, 1987 dan sebanyak \$437,900 untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi program Parit dan Taliair untuk Wilayah Persekutuan yang telah dipindahkan di bawah Kementerian Pertanian dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dimansuhkan mulai 20hb Mei, 1987.
9. Sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk menampung

kekurangan peruntukan berkaitan dengan kenaikan pangkat, kenaikan kadar elaun gantian tetap dan kenaikan gaji tahunan bagi 308 anggota-anggota perkhidmatan Bomba.

10. Sebanyak \$2.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai pelbagai Perbelanjaan Mengurus berhubung dengan urusan mengadakan pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 15 dan 16hb April, 1987.
11. Sebanyak \$1.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54 Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk membantu kanak-kanak yang miskin dan kurang bernasib baik supaya mereka dapat terus tinggal bersama keluarga atau keluarga ganti yang sesuai serta untuk membantu orang-orang tua yang daif dan miskin. Di samping itu tambahan ini adalah juga untuk membiayai bantuan galakan orang-orang cacat mendapatkan pekerjaan dan menampung pendapatan mereka yang rendah.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah Maksud B.1 Parlimen, B.6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, B.22 Muzium Negara. Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1988 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli yang ingin memulakan perbincangan? Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

6.29 ptg.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1987/1988.

Sebagaimana yang kita semua maklum, negara kita ini masih terhutang kepada Bank Dunia dan negara-negara asing kerana adanya pinjaman-pinjaman yang besar. Dengan mengadakan kebenaran untuk menggunakan wang yang sejumlah besar ini untuk membiayai segala perbelanjaan daripada pelbagai Kementerian, Jabatan dan sebagainya kita mesti beringat-ingat bagaimana kita boleh membayar balik hutang yang masih ada pada bahu kita semua. Ini cuma adalah satu peringatan supaya Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di negara kita ini boleh membelanjakan duit tambahan ini dengan teliti dan dengan tidak membazir dalam semua aspek.

Bila saya pandangan kepada Jadual kepada Fasal 2 yang membentangkan peruntukan-peruntukan tambahan ini kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, saya dapati bahawa hanya ada sedikit wang sahaja yang diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan, saya minta maaf kerana masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada minggu hadapan.

Dr. Tan Chong Keng: Baiklah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua :Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 4hb April, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.